


1 Oktober 2011 (Sabtu) - UMT digesa proaktif dalam penyelidikan

Tuanku Nur Zahirah menyampaikan anugerah Ijazah Kehormat Doktor Sains kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad pada Konvokesyen Ke-9 Universiti Malaysia Terengganu, Kuala Terengganu, semalam. - BERNAMA.

KUALA TERENGGANU 1 Okt. - Universiti Malaysia Terengganu (UMT) perlu mengambil langkah proaktif dalam bidang penyelidikan dan pembangunan bagi memastikan negara dan masyarakat tidak terpinggir daripada arus pemodenan perdana.

Raja Permaisuri Agong yang juga Tuanku Canselor UMT, Tuanku Nur Zahirah bertitah, langkah itu bukan sahaja sebagai sumbangan kepada transformasi negara, malah kepada transformasi komuniti setempat. Baginda turut berharap supaya universiti itu terus gigih dalam mengekalkan serta meningkatkan kejayaan bagi mencapai taraf universiti penyelidikan yang setanding dengan universiti terkenal lain di dunia. Titah baginda, dalam usaha mengejar arus pemodenan perdana, pelbagai isu sosial sering melanda masyarakat khususnya golongan remaja dan ia perlu beri perhatian serius demi masa depan negara. "Dalam konteks ini, beta meletakkan harapan tinggi agar universiti dapat memainkan peranan lebih terencana dalam merungkaikan masalah ini," titah baginda.

Tuanku Nur Zahirah bertitah demikian pada majlis Konvokesyen UMT ke-9 di Dewan Sultan Mizan di kampus universiti itu di Gong Badak dekat sini hari ini. Dalam titah ucapan itu baginda turut berpesan kepada para graduan agar sentiasa menjaga nama baik universiti, tidak kira di mana berada memandangkan mereka adalah duta kepada universiti itu. Baginda bertitah, universiti merupakan institusi penjanaan ilmu dalam merencanakan pembangunan modal insan selain pemacu kepada kecemerlangan penyelidikan dan pembangunan. "Beta berbangga dengan pencapaian UMT hari ini dalam pelbagai bidang sama ada peringkat nasional atau antarabangsa, walaupun universiti ini masih baru," titah tuanku Nur Zahirah. Seramai 1,736 graduan menerima sarjana, sarjana muda serta diploma pada majlis konvokesyen selama dua hari yang berakhir esok. Pada majlis itu, bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad turut dikurniakan Anugerah Doktor kehormat Sains, anugerah tertinggi UMT atas jasa serta sumbangan besar beliau kepada negara.

2 Oktober 2011 (Ahad) - Rumah SPNB kekal murah

PUTRAJAYA 2 Okt. - Syarikat Perumahan Negara Bhd. (SPNB) menegaskan, pihaknya masih dapat mengekalkan harga rumah miliknya pada paras yang sedia ada biarpun Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (Rehda) menjangka harga kediaman pada separuh kedua tahun ini meningkat sebanyak 20 peratus. Pengerusinya, Datuk Ir. Idris Haron berkata, ini kerana sebahagian besar kawasan pembangunan perumahan yang dikendalikan oleh SPNB terletak di kawasan pinggir dan luar bandar seluruh negara. Beliau berkata, ia juga selaras dengan matlamat SPNB yang mahu menyediakan rumah berkualiti pada harga yang mampu dibeli rakyat berpendapatan sederhana dan rendah. "Saya akui kenyataan oleh Rehda yang menekankan aspek peningkatan harga bahan binaan dan kekurangan tenaga kerja, di samping tidak menolak faktor lokasi pembinaan. "Tetapi saya ingin menegaskan bahawa SPNB tidak akan mengikutnya secara membuta-tuli kerana kita masih mempunyai tanggungjawab sosial dalam menyediakan rumah berkualiti kepada rakyat," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini. Rehda baru-baru ini menjangkakan harga kediaman yang bakal dilancarkan pada separuh kedua 2011 meningkat sebanyak 20 peratus. Peningkatan tersebut adalah disebabkan kenaikan harga bahan mentah binaan serta kekurangan tenaga kerja. Ditanya mengenai prestasi jualan rumah SPNB, Ir. Idris memberitahu, setakat ini, jualan rumah SPNB, termasuklah di kawasan yang tidak strategik telah menunjukkan peningkatan yang membanggakan.



KETUA Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim (kanan) bertanyakan soalan mengenai Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dalam sidang Dewan Rakyat di Bangunan Parlimen sementara, Kuala Lumpur, semalam. - Utusan/MOhd. Naim Aziz.

KUALA LUMPUR 3 Okt. - Kerajaan bakal mengumumkan beberapa inisiatif di dalam Belanjawan 2012 pada Jumaat

ini khusus untuk menangani kesulitan golongan berpendapatan rendah yang kini terpaksa berhadapan dengan cabaran persekitaran ekonomi cukup hebat. Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, susulan inisiatif-inisiatif itu kerajaan akan mengelakkan momentum ke arah menjadikan Malaysia negara maju berpendapatan tinggi. "Melalui bajet itu kerajaan juga komited untuk mengurangkan defisit fiskal negara dan kita akan menerangkannya secara terperinci. (Apa yang penting) Apa-apa program yang akan kita laksanakan adalah di bawah lingkungan kemampuan kerajaan," katanya. Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan **Dr. Tan Seng Giaw (DAP-Kepong)** pada persidangan Dewan Rakyat di sini, hari ini.

Dalam pada itu Perdana Menteri berkata, prestasi ekonomi negara terus berkembang walaupun berhadapan dengan ketidaktentuan pasaran negara-negara luar antaranya kelembapan pertumbuhan ekonomi Amerika Syarikat (AS) serta krisis hutang kerajaan negara Eropah. "Sebagai negara perdagangan, persekitaran tidak menentu ini sudah tentu memberi kesan kepada ekonomi negara melalui hubungan kewangan dan pasaran kewangan. "Namun keadaan ini dijangka hanya memberi kesan yang minimum memandangkan negara mempunyai kekuatan daya tahan, asas ekonomi yang mapan serta perancangan ekonomi yang kukuh," katanya lagi. Mengenai prestasi ekonomi semasa beliau berkata, dalam tempoh separuh pertama 2011 ekonomi negara mencatatkan pertumbuhan 4.4 peratus dan angka itu dicatatkan dalam persekitaran yang mencabar terutama selepas berlakunya gempa bumi di Jepun. "Namun begitu kerajaan jangka pertumbuhan ekonomi dalam separuh kedua adalah lebih baik melalui perbelanjaan dan permintaan domestik serta kecergasan aktiviti pelaburan. Kita jangka perbelanjaan pengguna terus mencatat pertumbuhan ekoran harga komoditi yang kekal tinggi dan prospek pekerjaan yang stabil," katanya.

KUANTAN 3 Okt. - Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah bertitah, penjawat awam di negara ini perlu mengekalkan sikap berkecuali dalam melaksanakan tugas mereka. Titah baginda, penjawat awam yang profesional tidak akan menyokong mana-mana parti politik, sebaliknya hanya menjalankan tugas masing-masing berdasarkan dasar yang telah ditetapkan. "Beta tidak mahu melihat setiap perkara atau tugas yang dibuat oleh penjawat awam dipolitikkan, kerana ini akan menyusahkan rakyat dan melambatkan rancangan serta pelaksanaan program-program pembangunan yang telah dirancang. "Oleh itu, setiap penjawat awam perlu komited dan mendokong aspirasi kerajaan hari ini," titah baginda pada Majlis Perasmian Persidangan Suruhanjaya-Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia Ke-14 di sini, hari ini. Hadir sama Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob dan Penggerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Tan Sri Jamaluddin Ahmad Damanhuri. Sultan Ahmad Shah bertitah, setiap penjawat awam perlu beriltizam, membentuk akhlak dan peribadi baik serta mengamalkan daya kerja berkualiti bagi mengekalkan persepsi dan keyakinan rakyat terhadap perkhidmatan awam. "Beta berpendapat, untuk melihat negara ini terus maju, aman dan program-program pembangunan yang dirancang dapat dilaksanakan dengan baik, ia memerlukan penggembangan tenaga kerja seluruh penjawat awam di negara ini," titah baginda. Titah baginda, organisasi awam juga hendaklah berubah atau membuat transformasi supaya semua penjawat awam dapat menghayati dan menjawai peranan ke arah mewujudkan organisasi cemerlang. "Semua penjawat awam mempunyai peranan untuk memajukan negara supaya Malaysia menjadi negara maju yang berpendapatan tinggi pada 2020," titah baginda.

4 Oktober 2011 (Selasa) - Halal: Jakim perlu bukti kemampuan, oleh NOOR

MOHAMAD SHAKIL HAMEED Ketua Bahagian Perancangan Korporat, Universiti Putra Malaysia Serdang, Selangor

UMAT Islam negara ini menyambut baik keputusan pihak kerajaan yang memutuskan berkuat kuasa 1 Januari 2012 hanya logo halal yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) sahaja yang boleh diguna pakai dan diiktiraf di seluruh negara. Menurut Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, keputusan itu sejajar dengan penguatkuasaan Akta Perihal Dagangan 2011 dan Persijilan Halal yang telah diluluskan oleh Parlimen pada 11 Julai lalu bagi menggantikan Akta Perihal Dagangan 1972. Selaras dengan keputusan terbaru ini, semua sijil halal sedia ada terbatal pada malam 31 Disember dan semua pihak perlu mengemukakan permohonan baru kepada pengeluar tunggal iaitu Jakim. Mengikut prosedur baru ini, para pengusaha restoran sudahpun boleh memajukan permohonan secara online secepat yang mungkin tanpa menunggu ke saat akhir kerana tempoh masa proses kelulusan dilaporkan akan mengambil masa kira-kira sebulan dari tarikh permohonan di mana semua Jabatan Agama Islam negeri akan memproses permohonan peniaga dan pihak industri sebelum dihantar ke Jakim untuk tujuan pengeluaran sijil logo halal. Ringkasnya ini adalah satu langkah yang sangat baik dan memberangsangkan setelah kita mengambil kira pelbagai isu berkaitan logo halal ini yang diperdebatkan sejak akhir-akhir ini yang cukup merunsing dan merisaukan umat Islam. Justeru apa yang diharapkan ialah oleh kerana Jakim bakal menjadi pengeluar tunggal logo halal di negara ini kita berharap agar Jakim mampu menjalankan tugas ini secekap yang mungkin tanpa banyak kerentahan birokrasi yang bakal boleh mengundang pelbagai rungutan dan ketidakpuasan hati di kalangan para peniaga dan pengusaha restoran. Kita perlu ingat bahawa sudah pastinya isu tempoh masa memproses sesuatu permohonan dan pengeluaran kelulusan yang dikatakan akan mengambil masa sebulan bakal menjadi perkara yang menarik perhatian ramai.

Kita tidak mahu umat Islam terus ditipu ataupun diperdaya dan menjadi mangsa keadaan apabila para pengusaha yang kecewa dengan kerentahan birokrasi Jakim mengambil jalan mudah dengan menggunakan logo halal palsu ataupun yang tidak sahih dan meragukan. Dalam hal ini, apa yang penting ialah kita perlu mewujudkan situasi menang-menang bagi kedua-dua pihak iaitu Jakim dan juga para pengusaha yang akhirnya akan menyumbang kepada kebaikan kepada pengguna. Jakim perlu mempermudah dan mempercepatkan proses kelulusan dan para pengusaha pula perlu berkerjasama dengan memohon lebih awal serta mematuhi segala garis panduan yang telah ditetapkan. Hanya dengan cara sebegini kita mampu menangani isu kritis seperti ini. Hal ini kerana walaupun jumlah denda dan penjara dilihat cukup berat namun kita percaya ia tiada masalah kepada para pengusaha yang tamak dan pandai memanipulasi keadaan. Akibatnya para pengguna juga akan menjadi mangsa keadaan. Perkara ini perlu diberi perhatian khusus kerana ingatan kita masih segar dengan isu logo halal yang pernah menggemparkan negara kita apabila Jakim sendiri pernah mendedahkan bahawa pemeriksaan mereka ke atas hotel-hotel dan premis makanan yang sediakan buffet Ramadan di sekitar Lembah Klang diragui status halalnya kerana kebanyakannya berselindung di sebalik tema buffet Ramadan. Dalam hal ini, Jakim perlu tampil sebagai badan pengawal dan penguat kuasa yang menjaga kebijakan umat Islam negara kita. Di samping dapat mengawal pengeluaran sijil halal dengan tindakan yang lebih efektif kita juga berharap agar Jakim akan melipatgandakan aspek pemantauan dan penguatkuasaan melalui pemeriksaan yang lebih kerap dan mengejut agar dapat memastikan undang-undang ini dipatuhi sepenuhnya oleh semua pengusaha makanan di Malaysia. Kita juga berharap agar para pengusaha makanan akan lebih bertanggungjawab dan tidak mencari jalan mudah untuk menipu pengguna.

5 Oktober 2011 (Rabu) - Kos naik taraf Parlimen RM520 juta

KUALA LUMPUR 5 Okt. - Kerja menaik taraf kompleks bangunan Parlimen yang dilaksanakan menerusi tiga fasa sehingga pertengahan tahun 2015 melibatkan kos keseluruhan RM520 juta. Menteri Kerja Raya, Datuk Shaziman Abu Mansor berkata, fasa pertama melibatkan kerja baik-pulih Dewan Serbaguna yang kini menjadi Dewan Persidangan sementara siap 5 September lalu membabitkan kos RM31 juta, iaitu peningkatan sebanyak RM3 juta berbanding kontrak asal, RM28 juta. "Satu lagi projek fasa pertama iaitu pembinaan blok baru Pejabat Pentadbiran Parlimen yang akan menempatkan kira-kira 200 pegawai dan kakitangan Jabatan Parlimen akan dimulakan Jun tahun depan sehingga Disember 2013 membabitkan anggaran kos RM92 juta," katanya. Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan **Sim Tong Him (DAP-Kota Melaka)** mengenai kos keseluruhan projek baik-pulih di bangunan Parlimen pada sidang Dewan Rakyat hari ini. Bagi fasa kedua pula, Shaziman berkata, ia membabitkan kerja ubah suai di bangunan utama Parlimen sedia ada termasuk Blok Menara yang akan bermula pada suku pertama 2012 sehingga pertengahan 2015 membabitkan anggaran kos sebanyak RM180 juta. "Skop projek fasa dua termasuk kerja baik-pulih bumbung puncak Dewan Rakyat, penggantian panel fasad yang sudah berkarat, kerja naik taraf sistem mekanikal dan elektrikal dan pengubahsuaian ruang dalaman Dewan Rakyat dan Dewan Negara dengan tender akan dikeluarkan selewat-lewatnya akhir tahun ini," katanya. Menurutnya, fasa ketiga projek pula membabitkan anggaran kos RM220 juta bagi pembinaan blok bangunan baru lima tingkat dengan keluasan 59,000 meter persegi yang menempatkan pejabat ahli Parlimen, bilik media, bilik kementerian dan kemudahan tempat letak kereta sebanyak 1,000 petak.

5 Oktober 2011 (Rabu) -Parlimen - Tiada rancangan swastakan IWK

KUALA LUMPUR 5 Okt. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kerajaan tidak bercadang untuk menswastakan Indah Water Konsortium (IWK) buat masa ini. Sebaliknya tegas beliau, kerajaan menyokong cadangan dan usaha yang sedang dilakukan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada rakyat. "Usaha yang dilakukan sekarang melibatkan tiga inisiatif iaitu penstrukturran semula industri pembentungan, kajian semula tarif pembentungan dan pembiayaan perbelanjaan modal yang terjamin," katanya. Najib yang juga Menteri Kewangan berkata demikian dalam jawapan bertulis kepada soalan Loke Siew Fook (DAP-Rasah) pada sidang Dewan Rakyat, di sini hari ini. Siew Fook dalam soalannya meminta Menteri Kewangan menyatakan jumlah kos yang ditanggung kerajaan untuk mengambil alih dan membiayai IWK. Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan pada 2000 telah mengambil alih ekuiti IWK dengan bayaran RM192 juta dan membelanjakan kira-kira RM1.2 bilion bagi menampung defisit operasi IWK. Menurutnya, defisit tersebut berlaku disebabkan kadar tarif pembentungan yang rendah berbanding kos operasi sebenar perkhidmatan pembentungan yang disediakan. "Jumlah liabiliti IWK sehingga Jun lalu di mana sebahagian besar daripadanya adalah pinjaman sokongan kerajaan adalah sebanyak RM1.98 bilion, manakala nilai aset pula kira-kira RM1.2 bilion," katanya.

5 Oktober 2011 (Rabu) - Gaji minimum perlu jelas

KUALA LUMPUR 5 Okt. - Dasar gaji minimum yang bakal diumumkan pada pembentangan Belanjawan 2012 Jumaat ini diharap lebih fleksibel yang mana jumlahnya adalah berdasarkan lokasi, sektor, produktiviti dan kemahiran pekerja. Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia (FMM) mahukan gaji dibezakan sama ada bandar atau luar bandar, jenis pekerjaan atau perniagaan serta tempoh selama dua tahun diberikan kepada majikan untuk menyelaraskannya. FMM juga berharap perundangan mengenai gaji minimum adalah jelas, mudah difahami selain kenaikan gaji kelak tidak mendiskriminasi mana-mana pihak berkepentingan. "Umur persaraan juga tidak harus ditetapkan dan memberi kebebasan kepada majikan untuk menentukan soal tersebut mengikut keperluan syarikat masing-masing," kata FMM dalam satu kenyataan di sini. FMM turut menggesa undang-undang pekerjaan harus diperbaharui mengikut keadaan semasa bagi menjaga hak majikan dan pekerja.

Dalam pada itu, mereka juga berharap dasar mengenai sumber gas diperhalusi dan membenarkan kewujudan lebih ramai pengendali sumber itu bagi kepentingan operasi pengilang. "Persaingan dalam sektor utiliti harus dipertingkatkan agar harga yang kompetitif diperkenalkan supaya pengguna mempunyai lebih banyak pilihan," katanya FMM. Malah FMM turut mengharapkan kerajaan menawarkan rebat bil elektrik dan memperkenalkan tarif khas kepada industri bagi menggalakkan penjimatan tenaga dioptimumkan. Mereka juga mahu sistem pendidikan mengutamakan bahasa Inggeris dan menjadikannya subjek wajib lulus dalam peperiksaan awam, selain menekankan sekolah vokasional sebagai pilihan bagi mengatasi masalah kepakaran teknikal dalam negara.



6 Oktober 2011 (Khamis) - Perkeso bayar lebih RM1.6 bilion pampasan, Oleh RAHANA MOHD. DAHARI

KUALA KRAI 6 Okt. - Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) membayar pampasan berjumlah RM1.678 bilion tahun lalu bagi menyelesaikan tuntutan 52,639 kes kemalangan jangka panjang dan kes-kes baru yang dilaporkan. Timbalan Ketua Eksekutif (Operasi), Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed berkata, daripada jumlah tersebut sebanyak 22,036 kes melibatkan bencana pekerjaan iaitu mangsa terlibat dengan kemalangan ketika dalam perjalanan pergi atau balik dari tempat kerja. "Perkeso di bawah Akta Keselamatan Sosial bukan sahaja menjaga kebaikan pekerja di tempat kerja tetapi turut merangkumi ketika dalam perjalanan pergi, balik dan juga waktu rehat. "Kes bencana pekerjaan yang layak menerima faedah atau pampasan mencatat sejumlah tiga daripada lima bahagian keseluruhan yang diperuntukkan," katanya. Beliau berkata demikian selepas menyampaikan pampasan kepada tiga beradik, Siti Nurhafizah Ismail, 16, Siti Khairunnisa, 14, dan Siti Rasya Aleeya, 6, yang kehilangan ibu bapa mereka serentak pada 1 Oktober lalu disebabkan kemalangan motosikal di Kampung Che Wal, di sini, hari ini.

Dalam naas pada pukul 7.30 pagi itu, bapa mereka, Ismail Yacob, 50, seorang penoreh getah yang dalam perjalanan menghantar isterinya, Ruzainiah Mustapha, 37, kerani di sebuah kilang papan menemui maut selepas motosikal yang ditunggangi bergesel dengan kereta jenis Perodua Kancil menyebabkan kedua-duanya terjatuh, lalu dirempuh sebuah kereta Proton Persona yang gagal mengelak. Dalam pertemuan tersebut, Perkeso menyerahkan wang tunai RM3,000 sebagai faedah pengurusan jenazah ibu bapa tiga beradik tersebut. Perkeso juga mendapat ketiga-tiga beradik ini layak menerima pampasan bulanan sebanyak RM250 yang akan diserahkan mulai bulan hadapan sehingga mereka berusia 21 tahun atau tamat pengajian di peringkat institusi pengajian tinggi. Beliau juga memberitahu, Allahyarham Ismail ialah penerima bayaran berkala sebanyak RM183.29 sebulan sejak 2000 apabila mengalami kecederaan parah iaitu putus jari kelengkeng dan jari manis tangan kiri semasa bekerja di sebuah kilang papan di Kampung Pek, Machang pada 1999. Sementara itu, anak sulung mangsa, Siti Nurhafizah, yang masih belajar di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Kuala Lipis berkata, wang yang diterima itu akan digunakan sebaik mungkin untuk menampung persekolahan mereka adik beradik.



7 Oktober 2011 (Jumaat) - 1.2j penjawat awam naik gaji, Oleh SAIFULIZAM MOHAMAD pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 7 Okt. - Kira-kira 1.2 juta penjawat awam bakal menerima kenaikan gaji antara tujuh hingga 13 peratus mulai tahun depan apabila perkara itu diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam pembentangan Bajet 2012 di Dewan Rakyat hari ini. Selain itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan juga bersetuju meningkatkan kadar kenaikan gaji tahunan penjawat awam antara RM80 sehingga RM320 setahun mengikut gred ekoran ia tidak pernah disemak sejak 1991. Bagi pesara pula, beliau berkata, lebih 600,000 pesara kerajaan akan menikmati pelarasan penceن melibatkan peruntukan RM600 juta dan mulai tahun 2013 kerajaan akan melaksanakan kenaikan tahunan penceن pesara sebanyak dua peratus setahun tanpa perlu menunggu sebarang semakan sistem saraan atau pelarasan gaji. Di dalam bajet kali ini, Najib turut mengumumkan had umur baru bagi persaraan wajib iaitu daripada 58 tahun kepada 60 tahun bagi mengoptimumkan sumbangan pegawai perkhidmatan awam. "Pelanjutan ini tidak akan menjelaskan peluang pekerjaan kepada generasi muda kerana sektor awam dan swasta akan terus mewujudkan peluang pekerjaan baru," ujar Perdana Menteri.

Selain itu, Najib juga mengumumkan bayaran bonus setengah bulan gaji atau minimum RM500 kepada kakitangan awam yang akan dibayar pada bulan Disember ini selain bayaran khas RM500 kepada semua pesara kerajaan. Dalam perkembangan berkaitan, Perdana Menteri berkata, penyelarasan gaji serta kenaikan kadar kenaikan gaji tahunan itu merupakan salah satu daripada empat elemen Sistem Saran Baru Perkhidmatan Awam (SBPA) yang mula diperkenalkan dalam bajet tahun ini. "SBPA merupakan satu sistem saranan baru yang akan menggantikan Sistem Saran Malaysia (SSM) dan ia digubal dengan bermatlamat mentransformasi Perkhidmatan Awam Malaysia supaya ia menjadi organisasi yang lebih dinamik, responsif dan berorientasikan prestasi," ujarnya. Menghuraikan lebih lanjut tiga elemen lagi di dalam SBPA, Perdana Menteri berkata, kenaikan gred berdasarkan time-based (tempoh perkhidmatan) bagi guru akan dikurangkan daripada tahun ke-10 kepada tahun kelapan perkhidmatan. Beliau berkata, ini bermakna seorang guru akan berada pada gred 44 pada tahun kelapan dan gred 48 pada tahun ke-16. "Jika mengikut *time-based* sekarang ia memakan masa 10 tahun tetapi di bawah SBPA ia hanya mengambil tempoh lapan tahun sahaja," katanya lagi. Satu lagi elemen yang terdapat di dalam SBPA, beliau berkata, gaji maksimum dalam gred ditingkatkan lebih 30 peratus. "Sebagai contoh di dalam SSM bagi seorang guru gred DG48 gaji maksimumnya adalah RM6,325.39 tetapi di dalam SPBA gaji maksimum akan meningkat 37.7 peratus. Dengan pertambahan itu jumlah gaji maksimum yang baru ialah RM8,710," ujarnya. Ujar Najib elemen terakhir di dalam SBPA ialah wujudnya dasar pemisah atau 'exit policy' bagi penjawat awam yang berprestasi rendah dan bagi mereka yang memilih untuk meninggalkan perkhidmatan.



7 Oktober 2011 (Jumaat) - Kesejahteraan rakyat jadi keutamaan

Para pelabur telah meningkatkan pelaburan mereka di Malaysia secara ketara dengan Pelaburan Langsung Asing (FDI) berkembang hampir enam kali ganda kepada RM29 bilion pada tahun 2010, pertumbuhan yang tertinggi di Asia. Kemasukan FDI terus melonjak kukuh sebanyak 75.4 peratus kepada RM21.2 bilion dalam empoh enam bulan pertama 2011 berbanding RM12.1 bilion dalam tempoh sama tahun 2010. Kita akan terus menangani isu seperti modal insan, liberalisasi, kemampunan kewangan awam serta jurang ketidaksamaan pembangunan dalam usaha meningkatkan daya saing dan daya tahan negara. Kita juga akan memberikan lebih tumpuan kepada inovasi dan kreativiti serta penambahbaikan produktiviti bagi mempercepat industri meningkat ke rantai nilai yang lebih tinggi. Agenda transformasi yang dilaksanakan akan mencergas dan mengembalikan peranan sektor swasta sebagai peneraju pertumbuhan ekonomi, manakala sektor awam terus menyediakan persekitaran yang kondusif bagi membolehkan aktiviti sektor swasta berkembang pesat. Bagi memperkuuh peranan kerajaan sebagai pemudah cara, pelbagai langkah sedang diambil untuk menjadikan perkhidmatan awam lebih cekap, fleksibel dan mengutamakan pelanggan. Kesejahteraan rakyat akan sentiasa menjadi keutamaan. Sejak tahun 2009, pelbagai usaha telah diambil bagi menangani masalah utama rakyat melalui enam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Sehingga kini, kemajuan signifikan telah dicapai dalam mengurangkan kemiskinan, jenayah dan rasuah serta memperbaiki pencapaian pendidikan, pengangkutan awam bandar dan infrastruktur atas di luar bandar.

Kerajaan amat prihatin dengan beban rakyat dan telah memperkenalkan NKRA yang ketujuh pada bulan Julai tahun ini bagi menangani masalah peningkatan kos sara hidup. Cabaran terhadap ekonomi Malaysia semakin meningkat sejak suku kedua 2011. Ini termasuk pertumbuhan global yang perlahan disebabkan masalah fiskal yang dihadapi Amerika Syarikat dan Eropah, pasaran kewangan antarabangsa yang tidak menentu serta kenaikan harga komoditi. Meskipun mengharungi pelbagai cabaran ini, ekonomi Malaysia terus berkembang pada kadar sederhana iaitu 4 peratus bagi tempoh suku kedua berbanding dengan 4.9 peratus dalam suku pertama 2011. Pertumbuhan ini disokong oleh permintaan domestik yang kukuh serta peningkatan eksport komoditi dan barang berdasarkan sumber. Asas makroekonomi negara kekal mampan, termasuk rizab luar negara dan tabungan negara yang kukuh serta kadar pengangguran yang rendah dan lebih dalam akaun semasa. Ekonomi Malaysia dijangka mencapai pertumbuhan pada kadar lima peratus hingga 5.5 peratus pada tahun 2011, disokong oleh permintaan domestik yang kukuh serta pelaksanaan 12 Bidang Keberhasilan Utama Ekonomi (NKEA) dan projek Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Kita telah menyediakan pelbagai inisiatif untuk mempercepatkan transformasi negara ke arah ekonomi maju di samping meningkatkan lagi kesejahteraan rakyat. Dalam hal ini, pelaksanaan semua inisiatif yang telah dirancang dan projek RMKe-10 adalah amat penting. Walaupun kita telah mencapai kemajuan yang ketara dalam pelbagai inisiatif NKEA, namun kita perlu memastikan pelaksanaan yang pantas dan berkesan, lebih-lebih lagi dalam persekitaran luar yang semakin mencabar.

Justeru, sektor swasta mesti komited dalam melaksanakan pelaburan mereka serta menerajui pertumbuhan ekonomi negara. Kerajaan bertekad untuk melakukan yang terbaik bagi menjadikan Malaysia sebuah ekonomi berpendapatan tinggi yang berketerangkuman. Yakinlah, tiada rakyat yang akan ketinggalan dalam usaha kita mencapai kemajuan, kemakmuran dan kualiti hidup yang lebih baik. Ini menuntut setiap rakyat untuk terus bersatu dan bekerjasama demi mencapai aspirasi negara. Bersama, kita mampu mengatasi pelbagai cabaran dan menjadi negara berpendapatan tinggi dan maju.

Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Kewangan Malaysia, Putrajaya, 7 Oktober 2011.



8 Oktober 2011 (Sabtu) - HKL akan menjadi lebih selesa

SHAH ALAM 8 Okt. - Peruntukan sebanyak RM300 juta untuk membaik pulih serta menaik taraf Hospital Kuala Lumpur (HKL) menjadi sebuah hospital premier menerusi Bajet 2012 yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak semalam akan membolehkan rakyat mendapatkan perkhidmatan kesihatan dengan lebih selesa. Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, pembangunan semula HKL membabitkan penambahan kelengkapan dan pengubahsuaian ruang untuk pesakit termasuk mengatasi kekurangan tempat letak kenderaan yang semakin meruncing. "Kita mahu jadikan HKL sebagai hospital premier dengan menjadikan hospital tersebut selesa sesuai dengan tarafnya yang terletak di ibu negara dan antara hospital yang menjadi tumpuan rakyat. "Buat masa ini ruang untuk pesakit luar dan pesakit lain adalah bercampur dan perkara itu akan dapat diatasi melalui peruntukan yang diperoleh secepat mungkin," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Promosi Pemakanan Sihat di Pasar Raya di Pasar Raya Besar Giant di sini hari ini.

Tiong Lai berkata, peruntukan sebanyak RM16.82 bilion iaitu peningkatan sebanyak 10 peratus berbanding apa yang diterima oleh kementeriannya menerusi Bajet 2011 menunjukkan kerajaan sentiasa memastikan rakyat dapat menikmati kesihatan lebih baik selain menerima rawatan pemeriksaan, perubatan dan nasihat doktor dengan lebih cepat. Dalam pada itu beliau memberitahu, kementerian turut menubuhkan unit pemakanan khusus bagi memerangi penyakit tidak berjangkit (NCD) yang semakin meningkat di negara ini seperti obesiti, jantung, diabetes, barah dan darah tinggi. "Ini adalah dasar baru kementerian dan khusus untuk mengatasi masalah ini kerana peningkatan kes NCD semakin ketara di seluruh dunia termasuk Malaysia dengan jangkaan ia akan meningkat mendadak dalam tempoh 10 tahun. "Kajian menunjukkan kira-kira 1.7 juta penduduk dewasa Malaysia adalah mengalami obesiti dengan menduduki tempat keenam di kalangan negara Asia dan perkara ini bukan perkembangan yang sihat untuk negara kita," katanya. Beliau menyatakan, kerajaan membelanjakan kira-kira RM1.3 bilion untuk ubat-ubatan bagi merawat NCD dengan purata peningkatan kos sebanyak 12 peratus setahun.



9 Oktober 2011 (Ahad) - B17 aprikot bantu terapi kanser

JIKA disebut mengenai penyakit kanser, ia boleh dihidap oleh sesiapa sahaja tidak kira bangsa dan status. Merujuk kepada data, kanser merupakan antara penyebab utama kematian di seluruh dunia di mana 40,000 kes kanser dikesan setiap tahun di Malaysia dengan 1 daripada 4 rakyat menghadapinya. Pakar pemakanan dan perubatan dari seluruh dunia mengakui, faktor pemakanan merupakan antara penyumbang utama kepada kanser. Ini kerana di zaman yang serba moden dan canggih ini, setiap hari kita tidak terlepas dari pengambilan makanan yang merupakan agen kepada kanser. Menurut mereka, hampir 90 peratus makanan yang diambil bersifat asid dan mengandungi kandungan aditif yang tinggi seperti pewarna dan perasa tiruan, pemanis buatan, pengawet dan pelbagai lagi campuran bahan kimia yang merbahaya untuk kesihatan dan boleh menyebabkan kanser. Akibatnya kita terdedah kepada keadaan tubuh berasid seterusnya sistem antibodi dan imunisasi badan menjadi lemah dimana keadaan ini boleh menyebabkan penyakit kronik seperti kanser, darah tinggi, diabetis dan lain-lain yang boleh membawa maut dan membunuh manusia secara perlahan. Pada 1952, Dr Ernest T Krebs, seorang Bio Kimia dan beberapa saintis perubatan mendakwa, penyakit kanser adalah penyakit kekurangan nutrisi tubuh badan. Kajian terhadap haiwan liar yang hidup di hutan dikelilingi oleh persekitaran tumbuh-tumbuhan kaya dengan kompaun vitamin B17, tidak akan dijumpai mati akibat kanser. Sebaliknya haiwan yang dipelihara dalam zoo berkemungkinan besar mati akibat kanser walaupun diberi makanan yang kaya nutrien namun tidak mengandungi B17. Puak Hunza di pergunungan Pakistan didapati hidup sehingga usia 120 tahun.

KUALA LUMPUR 10 Okt. - Bajet 2012 yang diumumkan kerajaan dilihat sebagai satu aspirasi kerajaan untuk membantu meringankan beban rakyat secara menyeluruh dan bukannya berpihak kepada penjawat awam semata-mata. Pensyarah Kanan, Pengurusan Strategi Universiti Utara Malaysia (UUM), Dr. Haim Hilman Abdullah berkata, peruntukan dalam bajet berkenaan harus diteliti sedalam-dalamnya supaya tidak tersalah tafsir. "Biarpun penjawat awam mendapat kemudahan seperti kenaikan gaji, bonus setengah bulan gaji dan penceن, itu tidak bermakna kerajaan berat sebelah dalam membantu kakitangan swasta. "Kerajaan juga menyediakan peruntukan yang besar seperti imbuhan RM500, pemansuhan yuran persekolahan dan pembangunan luar bandar. "Itu jelas menunjukkan kerajaan prihatin dan bersungguh untuk mengurangkan beban rakyat tanpa mengira penjawat awam atau sebaliknya," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas berkenaan dengan dakwaan segelintir pihak yang berpendapat Bajet 2012 yang diumumkan Jumaat lalu lebih berpihak kepada kakitangan awam. Bagaimanapun, Haim Hilman menegaskan, kerajaan perlu merangka satu pelan strategi untuk menetapkan gaji minimum di sektor swasta. "Tangga gaji minimum ini perlu bagi mengurangkan beban pekerja swasta, justeru itu satu kajian yang komprehensif perlu dilakukan. "Itu kerana ada beberapa sektor yang dikuasai oleh warga asing dan sekiranya ia dilaksanakan akan menimbulkan masalah lain apabila aliran wang keluar bertambah dan ia nyata akan menguntungkan pekerja asing," ujarnya. Sementara itu, Pensyarah Kanan, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Mohammad Noorizzuddin Nooh berkata, masyarakat harus melihat gambaran bajet secara keseluruhan dalam membuat kesimpulan. "Sebenarnya, jika dilihat pada bajet-bajet sebelum ini, ia lebih menguntungkan sektor swasta. "Pembangunan projek koridor niaga dan pembangunan yang dilakukan kerajaan membuka lebih banyak peluang untuk golongan swasta berbanding kerajaan," jelasnya. Beliau juga menyifatkan Bajet 2012 adalah bajet transformasi dalam usaha kerajaan membawa Malaysia menuju negara maju sekali gus menjaga kebijakan rakyat kelas menengah dan kelas bawahan.

KUALA LUMPUR 10 Okt. - Sebuah badan, Pusat Biodiversiti Antarabangsa (GBH) akan ditubuhkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bertujuan memantau pengurusan sumber laut di bawah kawasan Inisiatif Segi Tiga Terumbu Karang (CTI). Penubuhan itu akan dilakukan bersama-sama dengan beberapa kementerian lain yang berkaitan. Kerajaan pusat telah menyediakan peruntukan RM896 juta untuk mengelola pelbagai aktiviti berkaitan bagi menjana ekonomi serta pemeliharaan hidupan laut bermula 2010 hingga 2020. Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman berkata, GBH akan disokong Kerajaan Negeri Sabah memandangkan negeri itu satu-satunya berada di bawah CTI yang turut dianggotai oleh Filipina, Indonesia, Papua New Guinea, Kepulauan Solomon dan Timor Leste. "Kami menjangka aktiviti berkaitan hidupan laut di sini bakal menjana pendapatan terkumpul sebanyak RM1.5 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang 2020 dan mewujudkan 2,900 peluang pekerjaan. "Di mana 70 peratus aktiviti tersebut akan disumbangkan oleh sektor swasta," katanya pada majlis pembukaan Forum Perniagaan Wilayah CTI di sini hari ini.

Turut hadir ialah Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Maximus Johnity Ongkili dan perwakilan-perwakilan dari negara terlibat. Jelasnya, kehidupan laut di bawah CTI mampu mendatangkan pendapatan bernilai sehingga AS\$2.3 bilion (RM7.2 bilion) setahun kepada pelbagai sektor terutamanya perikanan dan pelancongan. Malah, ujar beliau, hidupan batu karang di perairan wilayah tersebut merangkumi sehingga 75 peratus hidupan yang diketahui dalam sains maritim dan menjadi tempat persinggahan enam daripada tujuh spesies penyu di dunia. Sementara itu, kata Maximus, GBH merupakan salah satu inisiatif di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) bagi industri perairan negara khususnya kepada negeri Sabah. Forum yang berlangsung dua hari berakhir esok itu akan melibatkan pelbagai pembentangan mengenai sekuriti makanan, perubahan cuaca dan aktiviti perniagaan dari negara ahli dan jemputan.

10 Oktober 2011 (Isnin) - Lebuhraya baru yang bakal dibina mulai tahun depan

MELAKA 10 Okt – Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Kong Cho Ha berkata, kementeriannya akan melaksanakan pembinaan lebuhraya baru menerusi Belanjawan 2012 yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak Jumaat lepas. Beliau berkata, lebuhraya baru yang bakal dibina bermula tahun depan ialah Lebuhraya Pantai Barat dari Banting, Selangor ke Taiping, Perak; dan Lebuhraya Pantai Timur dari Mersing, Johor ke Kuantan, Pahang. "Satu lagi laluan penting dan sudah lama di rancang namun belum dilaksanakan iaitu laluan dari Bentong (Pahang) ke Gua Musang (Kelantan)," katanya yang tidak memberitahu kos keseluruhan projek lebuhraya baru itu. Cho Ha berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Forum Kerjasama di bawah Mekanisme Kerjasama untuk Meningkatkan Keselamatan Pelayaran dan Perlindungan Alam Sekitar di Selat Melaka dan Singapura di sini hari ini. Beliau berkata, kementeriannya juga akan memberi beberapa inisiatif baru termasuk melanjutkan tempoh pemberian insentif selama dua tahun bagi pembelian kereta hibrid dan kenderaan elektrik. Bagi menggalakkan pengusaha teksi menukar kenderaan lama kepada baru, kementerian akan menghapuskan cukai jualan dan cukai jalan kenderaan tersebut selain memberi insentif wang tunai.

10 Oktober 2011 (Isnin) - Pusat Transformasi Luar Bandar akan diwujudkan

SEMPORNA 10 Okt. - Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah akan mewujudkan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) di seluruh negara sebagai mekanisme mengoptimumkan potensi luar bandar dan menjana pertumbuhan ekonomi baru. Menteri berkenaan Datuk Seri Mohd Shafie Apdal berkata, melalui RTC aktiviti ekonomi akan berkembang ke kawasan luar bandar dan seterusnya menjana ekonomi setempat. Mohd. Shafie berkata, RTC yang akan berfungsi sebagai pusat integrasi logistik, pemprosesan dan pengedaran hasil pertanian luar bandar, akan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan lain seperti perbankan dan insurans, pusat latihan dan kemahiran, klinik dan ruang perniagaan. "Buat permulaan, kerajaan akan memajukan RTC di Gopeng di Perak dan Wakaf Che Yeh di Kelantan sebagai projek perintis RTC. Empat lagi RTC akan dibangunkan di Kedah, Johor, Sabah dan Sarawak," katanya ketika berucap merasmikan premis Kolej Risda Cawangan Semporna di sini hari ini. Mohd Shafie berkata, RTC berkenaan merupakan satu inisiatif di bawah Program Transformasi Luar Bandar (RTP), satu inisiatif kerajaan untuk membangunkan kawasan luar bandar secara komprehensif seperti dicadangkan Belanjawan 2012. – Bernama.

10 Oktober 2011 (Isnin) - Konsortium promosi produk pertahanan negara ditubuh

KUALA LUMPUR 10 Okt. - Sebuah konsortium yang berfungsi untuk mempromosi dan memasarkan produk industri pertahanan negara ke peringkat dunia akan ditubuhkan tidak lama lagi, kata Menteri Pertahanan, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi. Beliau berkata, konsortium itu akan dianggotai beberapa syarikat ahli Majlis Industri Pertahanan, Penguatkuasaan dan Keselamatan (MIDES) yang antara lain bekerjasama untuk memperkenalkan produk pertahanan jenama Malaysia. Beliau yakin konsortium itu mampu memasarkan produk pertahanan tempatan di peringkat antarabangsa, sebagai contoh melalui pameran-pameran pertahanan di luar negara. "Banyak syarikat tempatan telah mempunyai teknologi sendiri dalam bidang industri pertahanan selepas penyelidikan dan pembangunan yang dilakukan sekian lama dan terdapat produk-produk tempatan mendapat pengiktirafan antarabangsa," katanya pada sidang media selepas mempergerusikan mesyuarat Mides di sini hari ini.

10 Oktober 2011 (Isnin) - Projek kereta kabel Bukit Larut bukan projek kementerian

KUALA LUMPUR 10 Okt. - Projek Pembangunan Sistem Kereta Kabel di Bukit Larut, Taiping merupakan projek di bawah kerajaan negeri Perak dan bukannya di bawah Kementerian Pelancongan, Dewan Rakyat diberitahu hari ini. Menteri Pelancongan, Datuk Seri Dr Ng Yen Yen menjelaskan status terkini projek pembangunan itu telah diluluskan pelaksanaannya dan diswastakan kepada Syarikat Taiping Cable Car Sdn Bhd. Bagaimanapun, beliau berkata, kerajaan komited membantu negeri Perak untuk meningkatkan produk pelancongan di bandar warisan Taiping. "Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, Kementerian Pelancongan telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM10.3 juta bagi pembangunan kemudahan pelancongan iaitu menarik taraf rumah rehat dan "tea house" di Bukit Larut, kemudahan infrastruktur di Zoo Taiping serta pembangunan kemudahan pelancongan di Taman Tasik Taiping," katanya menjawab soalan Nga Kor Ming (DAP-Taiping) yang ingin tahu status terkini rancangan kerajaan membina kereta kabel di Bukit Larut. - Bernama

10 Oktober 2011 (Isnin) - Hab pendidikan global: Negara perlu anjakan paradigma

KUALA LUMPUR 10 Okt. - Paradigma dunia akademik negara perlu dianjak bagi menyahut hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan tinggi yang bersifat global, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin. Timbalan Perdana Menteri berkata, ahli-ahli akademik mesti lebih terkehadapan dalam mempelopori penyelidikan impak tinggi dan menjadikan inovasi sebagai paksi budaya berprestasi tinggi di universiti. Beliau berkata, pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam Belanjawan 2012 yang menjadikan tahun 2012 sebagai tahun Gerakan Inovasi Nasional perlu disahut oleh setiap ahli akademik melalui penterjemahan hasil penyelidikan dan pembangunan menjadi produk yang bernilai komersial. "Dalam konteks ini, ahli-ahli akademik perlu sentiasa berada di barisan paling hadapan dalam mencetuskan idea-idea baru yang bernilai komersial dan berdaya maju. "Saya berharap agar ahli akademik yang mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang merebut peluang keemasan ini dan menjadi pelopor kepada Gerakan Inovasi Nasional yang diumumkan Perdana Menteri," katanya ketika berucap pada Majlis Anugerah Akademik Negara 2009/2010 di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini. - Bernama.

11 Oktober 2011 (Selasa) - Semakin ramai penjawat awam sedar keburukan rasuah - SPRM

GEORGE TOWN 11 Okt. - Kesedaran mengenai rasuah dalam kalangan penjawat awam semakin tinggi apabila ramai antara mereka yang tampil membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung gejala itu tahun lepas. Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abu Kassim Mohamed berkata, tindakan itu adalah satu perkembangan yang baik kerana ia menunjukkan penjawat awam semakin sedar tentang keburukan rasuah. "Sebelum 2010 pun ada juga kita terima laporan daripada penjawat awam berhubung aktiviti rasuah tetapi tidak begitu banyak berbanding tahun lepas," katanya kepada pemberita selepas menjadi ahli panel forum bertajuk "Mengurus Persepsi Ke Atas Integriti: Tanggungjawab Siapa?" di sini hari ini.

KUALA LUMPUR 11 Okt. - Tender projek pembinaan loji janakuasa berasaskan gas di pantai barat, Semenanjung Malaysia akan dilakukan secara pembidaan terbuka bagi memastikan harga yang kompetitif. Pengerusi Suruhanjaya Tenaga, Tan Sri Ahmad Tajuddin Ali berkata, untuk peringkat awal, loji janakuasa berkeupayaan 750 MegaWatt (MW) tenaga daripada jumlah keseluruhan 4,500 MW akan menggunakan kaedah tersebut yang mana bidaan pertama dibuka pada suku pertama 2012. Beliau berkata, pihaknya akan melantik konsultan bagi menyediakan maklumat serta keperluan yang dijangka siap hujung tahun ini. "Jika direalisasikan, kami akan menilai prestasi kaedah itu sebelum diteruskan untuk baki loji penjanaan yang lain," katanya selepas merasmikan Forum Peraturan Tenaga Antarabangsa 2011 di sini hari ini.

Turut hadir ialah Timbalan Ketua Setiausaha (Tenaga), Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air; Badaruddin Mahyuddin dan Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Tenaga, Datuk Ahmad Fauzi Hasan. Loji-loji janakuasa berkapasiti 4,500 MW itu merupakan sebahagian daripada usaha menaiktaraf teknologi penjanaan sedia ada selain menambah kapasiti tenaga menjelang 2017. Kata Ahmad Tajuddin lagi, kaedah pembidaan terbuka pernah juga dilaksanakan bagi membangunkan loji janakuasa tenaga 1,000 MW berasaskan arang batu berteknologi ultra di Tanjung Bin di Johor Bahru, Johor yang diberikan kepada Malakoff Corporation Bhd. Pada masa sama, beliau juga menyatakan bahawa syarikat asing juga dibenarkan menyertai pembidaan itu bagaimanapun tertakluk kepada keputusan kerajaan yang mungkin mensyaratkan penyertaannya bersama dengan syarikat tempatan. "Kaedah ini penting bagi mewujudkan harga yang kompetitif serta menawarkan tarif yang sesuai kepada pengguna, lebih-lebih lagi ketika permintaan elektrik semakin meningkat," katanya. Pembinaan loji-loji janakuasa berkapasiti 4,500 MW akan ditempatkan di beberapa lokasi berasingan di pantai barat Semenanjung Malaysia. Ia juga merupakan susulan daripada persetujuan antara Qatargas bersama Petronas untuk membangunkan kemudahan regasifikasi gas asli cecair (LNG) di Melaka yang akan disiapkan menjelang Julai tahun depan bagi memenuhi permintaan gas tempatan.

KUALA LUMPUR 11 Okt. - Bekas pengurus besar Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) O.C. Phang memberitahu Mahkamah Tinggi di sini hari ini bahawa beliau tidak pernah menerima sebarang surat daripada Kementerian Pengangkutan menyatakan harga tanah di Pulau Indah RM25 sekaki persegi (skp) termasuk faedah. Phang, 65, berkata Kementerian Kewangan dan syarikat penjual tanah Kuala Dimensi Sdn Bhd (KDSB) juga tidak memberinya surat sedemikian. Beliau yang terlibat dalam pembangunan projek Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) sejak 1998 berkata isu RM25 skp termasuk faedah hanya diketahuinya pada Januari tahun ini selepas diberitahu dua pegawai penyiasat. Beliau bagaimanapun mengakui kenyataannya bahawa harga tersebut berasingan daripada kadar faedah ketika pemeriksaan balas oleh peguam Wong Kian Kheong yang mewakili bekas Menteri Pengangkutan Tun Dr. Ling Liang Sik. Saksi ke-14 itu turut memberitahu bahawa surat yang dihantar Liang Sik kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad juga menyatakan bahawa harga RM25 skp tidak termasuk faedah.

Mengikut eksbit mahkamah, Liang Sik telah menghantar surat tersebut pada 29 Jun 2002 yang meletakkan terma persetujuan bersama pihak KDSB bahawa kadar pembelian tanah adalah sebanyak RM25 skp seperti yang diperakuan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) dan Kementerian Kewangan. Terma itu turut menyatakan bahawa jumlah tanah adalah sebanyak 400 hektar menjadikan jumlah pembelian sebanyak RM1.08 juta dan menetapkan kadar faedah sebanyak 7.5 peratus. Sementara itu ketika pemeriksaan semula oleh Timbalan Pendakwa Raya Datuk Tun Abdul Majid Tun Hamzah, Phang memberitahu bahawa kenyataannya berkenaan bon adalah atas dasar ingatan beliau dan laporan yang diterimanya. Semalam beliau menjelaskan bahawa isu bon tidak pernah dibincangkan dan tidak mengetahui bahawa JPPH mencadangkan nilai tanah sebanyak RM25 untuk pengeluaran bon.

Liong Sik didakwa menipu kerajaan Malaysia apabila tidak mendedahkan kepada Jemaah Menteri fakta berkaitan kadar faedah sebanyak 7.5 peratus setahun adalah tambahan kepada harga pembelian tanah pajakan negeri 7324 Lot 67894, yang berasaskan RM25 sekaki persegi iaitu RM1,088,456,000, sedangkan beliau tahu Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH), dalam menentukan kadar RM25 skp, telah mengambil kira kadar kupon dan faedah. Beliau juga berdepan dua pertuduhan pilihan (pindaan) iaitu menipu dan sengaja tidak mendedahkan kepada Jemaah Menteri fakta berkaitan kadar faedah sebanyak 7.5 peratus setahun adalah kadar faedah tambahan kepada harga pembelian tanah pajakan 7324 Lot 67894 berasaskan RM25 skp iaitu RM1,088,456,000. Liong Sik, 68, didakwa melakukan semua kesalahan itu di Tingkat 4, Pejabat Perdana Menteri, Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, antara 25 Sept dan 6 Nov 2002. Perbicaraan di hadapan Hakim Datuk Ahmad Asnawi bersambung Khamis.



11 Oktober 2011 (Selasa) - Mansuhkan biasiswa ke luar negara

KUALA LUMPUR 11 Okt. - Kerajaan dicadang menghentikan pemberian biasiswa dan tajaan di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) kepada pelajar-pelajar yang mahu menyambung pelajaran ke luar negara. Sebaliknya kata **Datuk Ibrahim Ali (Bebas-Pasir Mas)**, biasiswa dan tajaan itu boleh digantikan dengan pinjaman daripada tabung khas yang ditubuhkan. "Kerajaan membelanjakan kirakira RM1.4 bilion setahun untuk menaja pelajar-pelajar melanjutkan pelajaran ke luar negara dengan ada yang ditaja sehingga RM1.2 juta untuk belajar misalnya di United Kingdom (UK). "Ini merupakan satu jumlah yang cukup besar sedangkan kursus yang diambil pelajar itu di luar negara boleh diikuti di Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA/S) di negara ini," katanya ketika membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan 2012 di Dewan Rakyat hari ini.

Terdahulu, sebelum memulakan perbahasan mengenai Belanjawan 2012 itu, Ibrahim menarik perhatian sidang dewan apabila menyebut beliau menerima 273 sistem khidmat pesanan ringkas (SMS) daripada rakan-rakan yang mahu beliau menyampaikan ucapan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak kerana membentangkan bajet yang luar biasa. Dalam perkembangan lain kata beliau, kerajaan juga wajar menimbang untuk mewajibkan mata pelajaran perakaunan zakat dalam pengajian Ijazah Sarjana Muda Perniagaan bagi melahirkan graduan yang mahir dalam bidang itu. "Ia penting bagi memastikan wang zakat diuruskan oleh individu yang profesional memandangkan kutipannya dijangka mencecah sehingga RM5 bilion setahun pada 2020 selain mengukuhkan institusi kewangan Islam di negara ini," katanya. Berhubung cadangan liberalisasi 17 lagi subsektor perkhidmatan awam pula, Ibrahim menggesa kerajaan supaya lebih berhati-hati bagi mengelak ia dikuasai sepenuhnya oleh bukan bumiputera.



12 Oktober 2011 (Rabu) - PLKN: Kerajaan belanja RM4.7b sejak ditubuhkan 2004

KUALA LUMPUR 12 Okt – Kerajaan membelanjakan RM4.7 bilion bagi Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) sejak ditubuhkan pada 2004 sehingga 31 Ogos tahun ini, Dewan Rakyat diberitahu hari ini. Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad berkata, program itu berjaya memberi kesedaran awam kepada pelatih untuk menjadi warganegara yang baik melalui imej dan perlakuan positif dan tidak mudah terlibat dengan kes jenayah. "Walaupun kementerian ini tidak mempunyai statistik remaja yang pernah menyertai PLKN, tetapi masih terlibat dalam kes jenayah, namun kementerian yakin remaja yang menjalani PLKN mampu menjadi remaja yang mempunyai jati diri kukuh," katanya menjawab soalan Amran Abdul Ghani (PKR-Tanah Merah). Dr Abdul Latiff berkata, peserta yang menyertai program PLKN didapati berjaya mengawal diri daripada terjebak dengan kes jenayah berdasarkan peningkatan pendaftaran pelatih dalam Pasukan Sukarela dari tahun ke tahun. "Kajian-kajian yang dilaksanakan antaranya kajian keberkesanan PLKN bersama kumpulan penyelidik Universiti Kebangsaan Malaysia di mana hasil kajian menunjukkan maklum balas yang positif melebihi 80 peratus terhadap semua komponen yang dinilai iaitu semangat patriotisme, perpaduan kaum, semangat kesukarelaan, berperwatakan positif dan pembentukan remaja yang cergas," katanya.

KUALA LUMPUR 12 Okt. - Malaysia hari ini mengemukakan cadangan kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) supaya menubuhkan Pertubuhan Alam Sekitar Sedunia (WEO) bagi menangani cabaran isu alam sekitar global yang mapan. Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, cadangan mewujudkan badan alam sekitar itu perlu melalui proses perundingan dan pemudahcara bagi membantu negara-negara terlibat memenuhi komitmen daripada hasil perjanjian bersama tersebut. Beliau yakin, badan seperti WEO boleh membantu penyertaan negara membangun menyelesaikan isu alam sekitar dengan lebih realistik berbanding sistem pengurusan negara sendiri menerusi ratusan perjanjian alam sekitar (MEA) yang diamalkan sejak bertahun dahulu. "Mustahil untuk negara membangun mengambil bahagian secara sendiri. Negara yang boleh menampung sistem berkenaan hanyalah yang kaya, sementara negara yang membangun dinafikan haknya. "Hanya melalui penambahbaikan besar sistem urus tadbir membolehkan dunia memacu usaha global menangani cabaran alam sekitar yang mapan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan perasmian mesyuarat persediaan pertama Kongres Sedunia: Keadilan, Urus Tadbir dan Undang-Undang Kelestarian Alam Sekitar di sini hari ini. Teks ucapan Najib dibacakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz. Najib melihat mesyuarat persediaan hari ini penting kerana ia memberi peluang kepada peserta menyampaikan mesej untuk bergerak ke pelbagai peringkat urus tadbir alam sekitar antarabangsa dengan membawa perspektif baru untuk dibahaskan ketika Kongres Sedunia nanti. Perdana Menteri berkata, kongres yang akan berlangsung di Brazil bermula 4 hingga 6 Jun tahun depan itu bakal memberi peluang kepada semua pihak meneliti norma dan prinsip keadilan, urus tadbir, undang-undang kemapanan alam sekitar serta yang berkaitan. "Kongres Sedunia merupakan peluang unik untuk dilibatkan di perbahasan mengenai urus tadbir kongres Rio+20 Kemapanan dan Pembangunan dan menjadi peserta aktif terutama untuk negara membangun," kata beliau. Sementara itu, Pengarah Bahagian Undang-Undang Alam Sekitar dan Konvensyen Program Alam Sekitar PBB, Bakary Kanter memuji cadangan Perdana Menteri itu yang disifatkannya sebagai langkah besar untuk membantu alam sekitar global. "Ini pertama kali seorang pemimpin menyatakan hasrat berhubung WEA dan kesungguhan beliau menunjukkan bahawa beliau menyedari kepentingan alam sekitar di masa depan. Kami di PBB amat menghargai pandangan Perdana Menteri itu," katanya.

KAPIT 12 Okt - Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Ibrahim Muhamad meminta Zecon Berhad, kontraktor yang bertanggungjawab ke atas Projek Bekalan Air Kapit mempercepatkan kerja pembinaan projek itu kerana ia kini tergolong dalam salah satu 'projek sakit'. "Kita berharap agar pihak kontraktor dapat mempercepatkan kerja mereka dan sering memantau perkembangan projek itu bagi memastikan ia berjalan lancar. "Komunikasi di antara semua pihak juga perlu supaya kita tahu apa masalah yang dihadapi oleh semua pihak dan sama-sama mencari jalan untuk mengatasi masalah terbabit," katanya selepas mendengar taklimat ringkas mengenai pembangunan Kapit serta taklimat daripada Zecon Berhad di Wisma Kerajaan Negeri di sini, semalam. Beliau berkata, selepas mendengar penerangan pihak kontraktor, pihaknya dimaklumkan yang punca utama projek itu lewat disebabkan ia bermula agak lewat dari tarikh yang dijadualkan. "Kita berharap agar pihak kontraktor dapat menggandakan usaha mereka bagi mengelakkan kelewatan yang terlalu lama dari jadual sedia ada," katanya. Tambahnya, untuk mengelakkan perkara sama berulang, pihak kontraktor seharusnya sentiasa memantau perkembangan projek bagi mengelakkan wujudnya sebarang masalah. "Projek kerajaan tidak seharusnya dilewatkan kerana ia memberi kesan kepada rakyat. Tambahan lagi, air merupakan keperluan dalam kehidupan seharian," katanya. Selepas menghadiri sesi taklimat, Ibrahim dan rombongan dari kementerian melakukan tinjauan di tapak projek. Rombongan turut mengadakan lawatan ke Song untuk mendengar taklimat ringkas mengenai Projek Jalan Takan-Tekalit, Song yang menelan belanja sebanyak RM80 juta.

KUALA LUMPUR 12 Okt. - Pemberian bantuan kepada rakyat sebanyak RM500 melibatkan isi rumah yang memiliki pendapatan bulanan di bawah RM3,000 akan bermula pada Januari ini. Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Awang Adek Hussin berkata, pengagihan bantuan wang tunai itu akan dibuat secara berperingkat-peringkat, pada bila-bila masa mulai awal tahun depan. Beliau berkata, agensi kerajaan seperti Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) akan ditugaskan sebagai pelaksana berdasarkan kepada maklumat penerima melalui fail-fail cukai pendapatan. "Agensi lain yang turut terlibat dalam pengagihan bantuan itu ialah Bank Simpanan Nasional (BSN), Bank Negara serta POS Malaysia," katanya selepas merasmikan Seminar Percukaian Kebangsaan 2011 di sini hari ini. Bantuan yang diberikan hanya sekali sahaja (one off) diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak semasa membentangkan Belanjawan 2012 baru-baru ini. Menurut Awang Adek, selain maklumat fail cukai pendapatan, LHDN dijangka menggunakan data e-Kasih Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi mendapatkan maklumat rakyat yang benar-benar layak menerima bantuan terbabit. Beliau berkata, antara mekanisme pembayaran adalah berdasarkan perkiraan jumlah pendapatan isi rumah dengan mencampurkan pendapatan suami, isteri dan anak-anak yang tinggal bersama. Namun, persoalan bagi anak yang tinggal berasingan, masih dibincangkan. "Kerajaan akan mengkaji isu-isu berbangkit sebelum ia dilaksanakan nanti," katanya. Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif LHDN, Datuk Dr. Mohd. Shukor Mahfar berkata, rakyat yang masih belum mendaftar dengan e-Kasih, boleh mendapatkan borang pendaftaran melalui laman web LHDN. Di samping itu, borang tersebut akan dicetak dan diedarkan di cawangan LHDN serta kawasan lain yang bakal dikenal pasti di seluruh negeri. "Mereka (masyarakat) akan dimaklumkan mengenai pengagihan borang dari semasa ke semasa," katanya.

PULAU PINANG 12 Okt. - Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani supaya mengharamkan penggunaan pukat tunda kerana ia menyebabkan bekalan ikan di negara ini semakin pupus. Presidennya, S. M. Mohamed Idris berkata, berdasarkan laporan Perikanan Dunia (World Fish), bekalan ikan di perairan negara ini menurun antara 80 hingga 90 peratus akibat nelayan menggunakan pukat tunda untuk menarik pukat yang besar dan berat di sepanjang dasar laut. Jelasnya, ini kerana plat logam besar dan roda getah yang terikat pada pukat bergerak di sepanjang dasar laut dan mengaut pelbagai jenis ikan tanpa mengira saiz dan juga memusnahkan habitat ikan yang berada di laluannya. "Walaupun penggunaan pukat tunda dibenarkan di bawah Akta Perikanan 1985 (Akta 317) di mana ia melarang nelayan pukat tunda untuk menangkap ikan di Zon A iaitu lima batu nautika dari pantai, zon itu turut dicerobohi oleh golongan terbabit akibat penguatkuasaan yang lemah. "Tambahan pula kegiatan nelayan pukat tunda kini semakin menjadi-jadi berikutan peningkatan permintaan ikan baja untuk projek akuakultur. Akibatnya penggunaan pukat tunda meningkat dua kali ganda dan lebih 90 hasilnya adalah untuk ikan baja," katanya pada sidang akhbar di pejabatnya di sini, hari ini. Dalam pada itu Idris memberitahu, ikan baja yang terdiri daripada anak-anak ikan merupakan salah satu punca bekalan ikan di negara ini semakin pupus kerana ia tidak sempat membesar. Katanya, tinjauan CAP di Kuala Kedah, Kedah dan Kuala Sanglang di Perlis mendapati, nelayan pukat tunda membawa masuk banyak ikan baja untuk projek akuakultur atau dicampur ke dalam makanan binatang untuk menambah kandungan protein. "Sumber perikanan laut di Malaysia berkemungkinan akan pupus dalam tempoh 10 tahun sekiranya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tidak memperbaiki pengurusan mereka dan terus mengabaikan perkara ini. "Jadi, tidak hairanlah kita hanya berpeluang melihat ikan-ikan yang menarik ini di dalam muzium sebagai tanda ia pernah hidup di perairan negara pada satu hari nanti," katanya. Dalam perkembangan sama, selain mengharamkan penggunaan pukat tunda, beliau turut mendedak kementerian agar mengharamkan penggunaan ikan baja untuk projek akuakultur kerana ia telah merosakkan habitat di dalam laut. "Pada masa sama, kerajaan sepatutnya melaksanakan program pemuliharaan untuk membiak semua spesies ikan laut yang sedang menghadapi ancaman pupus," katanya.

12 Oktober 2011 (Rabu) - Pindaan akta perumahan untuk dapatkan hak milik strata

KUALA LUMPUR 12 Okt – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan memindah Akta Hak Milik Strata 1985 dan Akta Bangunan dan Harta Bersama 2007 bagi melindungi kepentingan pembeli harta. Menteri kementerian berkenaan, Datuk Chor Chee Heung berkata, pindaan akta perumahan yang sedia ada itu bertujuan mewajibkan pemaju membuat permohonan bagi mendapatkan hak milik strata bangunan dalam tempoh enam bulan selepas surat perjanjian jual beli (SNP) ditandatangani. "Pindaan itu juga membolehkan sijil terbabit (hak milik strata) dapat diperolehi serentak ketika pembeli rumah menerima semua dokumen pembelian yang berkaitan termasuk sijil layak menduduki (CFO). "Buat masa ini, pemaju memang tidak wajib membuat permohonan mendapatkan hak milik strata bangunan selepas menandatangani perjanjian SNP, kini selepas CFO dikeluarkan baru mereka memohon," katanya ketika menjawab soalan Dr Siti Mariah Mahmud (Pas-Kota Raja) di Dewan Rakyat di sini, hari ini.

13 Oktober 2011 (Khamis) - Parlimen - Pembinaan enam lebuh raya melalui penswastaan

KUALA LUMPUR 13 Okt. - Kesemua enam projek lebuh raya yang diumumkan dalam Bajet 2012 baru-baru ini akan dilaksanakan melalui penswastaan atau perkongsian awam dan swasta. Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, secara umumnya syarikat konsesi bagi projek lebuh raya terbabit akan membangunkannya dengan pembiayaan sendiri dan kerajaan hanya memberikan syarikat tersebut mengutip tol dengan kadar dan tempoh tertentu tertakluk kepada rundingan. "Status perkembangan berhubung rancangan kerajaan untuk melaksanakan projek lebuh raya tersebut adalah pelbagai. "Daripada enam rancangan lebuh raya tersebut, ada yang telah mendapat kelulusan secara prinsip dan ada juga yang masih dalam penelitian kerana beberapa isu yang perlu diselesaikan kerajaan," katanya dalam jawapan bertulis kepada Tony Pua (DAP-Petaling Jaya Utara) pada sidang Dewan Rakyat hari ini. Najib yang juga Menteri Kewangan memberitahu, prosedur yang diamalkan kerajaan bagi projek penswastaan lebuh raya itu termasuk perbincangan di peringkat Jawatankuasa Kerjasama Awam Swasta (JKAS), kelulusan melalui Jemaah Menteri dan kelulusan draf perjanjian konsesi. "Sehubungan itu, maklumat berhubung kos projek, kadar tol, tempoh konsesi, tempoh pembinaan dan lain-lain perincian teknikal mahupun kewangan masih belum dimuktamadkan di peringkat kajian terperinci (bagi projek yang telah mendapat kelulusan prinsip)," katanya. Enam projek lebuh raya itu adalah Lebuh Raya Bertingkat Ampang-Pandan-Cheras, Lebuh Raya Guthrie-Damansara, Lebuh Raya Damansara-Petaling Jaya, Lebuh Raya Pantai Barat (Banting-Taiping), Lebuh Raya Sungai Dua-Juru dan Lebuh Raya Paroi-Senawang-KLIA.

16 Oktober 2011 (Ahad) - Usahakan tanah terbiar – Musa, Oleh SAPURAH LIYUNAN utusansabah@utusan.com.my



Musa Aman (dua kiri) bersalaman dengan penduduk kampung semasa melancarkan Ladang Berpadu Ladang Peserta Koperasi Sabah Kita Berhad di Kampung Ferry, Keningau, semalam.

KENINGAU 16 Okt. - Pihak korporat dan swasta disarankan mengusahakan tanah terbiar di negeri itu melalui konsep Ladang Bersepadu yang melibatkan penglibatan masyarakat setempat. Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman berkata, langkah itu penting dalam usaha meningkatkan taraf hidup

masyarakat setempat. "Kerajaan negeri menyambut baik dan sentiasa menyokong mana-mana badan korporat dan swasta yang berhasrat membantu menaikkan taraf hidup rakyat melalui sektor pertanian di

luar bandar. "Kita di pihak kerajaan tiada halangan malah, memberi ruang kepada mana-mana badan korporat dan sektor swasta yang berhasrat membantu rakyat mengusahakan tanah terbiar," katanya.

Beliau berucap melancarkan Ladang Bersepadu tiga dalam satu (Lembu/Serai/Gaharu) Ladang Peserta Koperasi Sabah Kita Berhad (Kita) di Kampung Ferry, dekat sini semalam. Turut hadir Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tan Sri Joseph Kurup; Timbalan Ketua Menteri, Datuk Yahya Hussin dan Pengerusi Kita, Tan Sri Harris Mohd. Salleh. Pada majlis itu, Musa menyaksikan penyampaian cek bernilai RM7,000 kepada seorang pemilik Ladang Bersepadu Kampung Ferry, Anik Ambawid hasil jualan serai yang dibeli oleh Kita. Menurut Musa, kerajaan amat mengalui-alukan usaha seperti yang dilakukan Kita kerana dapat meningkatkan ekonomi masyarakat setempat. Selain itu, katanya, langkah itu juga merupakan sebahagian persediaan kerajaan dalam mengatasi masalah kekurangan bahan makanan yang membimbangkan di seluruh dunia. Sementara itu, Harris berkata, Kita yang berusia hampir setahun telah membuka 30 Ladang Bersepadu di Ranau, Matunggong, Sikuati, Kota Belud, Tamparuli, Kiulu dan Papar. Kata beliau, pihaknya merancang membangunkan 30 lagi ladang bersepadu di Sandakan, Sukau, Tenom, Kuala Penyu, Bongawan, Menggatal dan Kota Belud pada masa akan datang. "Saya yakin rancangan Ladang Bersepadu ini akan berjaya menjana hasil pendapatan sederhana untuk menampung sara hidup dalam jangka pendek dankekayaan dalam tempoh jangka panjang," ujarnya.



20 Oktober 2011 (Khamis) - Surat Arahan kurangkan suhu pendingin hawa di pejabat kerajaan

KUALA LUMPUR 20 Okt. - Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air sedang menyediakan Surat Arahan yang mengandungi garis panduan pelaksanaan arahan penjimatan tenaga melalui penetapan suhu pendingin hawa pada tahap minimum 24 darjah Celsius di semua bangunan kerajaan. Timbalan Menterinya, Noriah Kasnon berkata, surat berkenaan akan diedarkan kesemua kementerian, jabatan dan agensi kerajaan sebagai langkah pengurangan perbelanjaan kos utiliti kerajaan. "Semua agensi kerajaan dikehendaki melaksanakan penetapan suhu di pejabat masing-masing seperti yang digariskan dalam Surat Arahan ini," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat hari ini. Noriah menjawab pertanyaan **Dr. Mujahid Yusof Rawa (Pas-Parit Buntar)** yang ingin mengetahui adakah surat pekeliling bagi memastikan semua bangunan kerajaan menggunakan suhu pendingin hawa minimum 24 darjah Celsius sudah dikeluarkan. Kata beliau, pelaksanaan langkah penjimatan tenaga elektrik itu mesti dibuat dengan serta-merta secara menyeluruh atau berperingkat-peringkat dan berterusan. Katanya, Surat Arahan itu menetapkan ruang pejabat, bilik pegawai, bilik mesyuarat, lobi, koridor dan lain-lain diselaraskan suhu persekitaran dalamannya. "Di samping itu, Surat Arahan ini juga bersetuju ruang kritikal tertentu memerlukan penetapan suhu khusus seperti dewan bedah, unit rawatan rapi, makmal bilik peralatan mekanikal, ruang menempatkan perkakasan teknologi maklumat seperti bilik server," katanya.



23 Oktober 2011 (Ahad) - Koko sumbang RM4.2 bilion pendapatan negara, MOHD. ZUHARMAN MOHAMMAD

BACHOK 23 Okt. - Sektor penanaman koko mampu menjana perkembangan sosioekonomi negara secara menyeluruh apabila ia menjadi tanaman komoditi ketiga terpenting selepas kelapa sawit dan getah, dengan menyumbang sebanyak RM4.2 bilion kepada pendapatan negara tahun lalu. Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr. Awang Adek Hussin berkata, jumlah kluasan tanaman koko negara adalah sebanyak 20,070 hektar dengan 93.5 peratus melibatkan pekebun kecil. Katanya, pengeluaran biji koko kering pada 2010 adalah sebanyak 15,654 tan metrik dengan purata pengeluaran nasional sekitar 1.2 tan metrik sehektar. "Jumlah pengeluaran ini mampu menampung 5.18 peratus keperluan industri pengisaran semasa iaitu 302,366 tan metrik pada tahun 2010. Bagaimanapun sektor pengisaran koko terus berkembang pesat dengan kapasiti 360,000 tan metrik biji koko kering setahun," katanya. Beliau berkata demikian ketika merasmikan 'Program Koko Untuk Rakyat' peringkat Parlimen Bachok di sini, hari ini.

KUALA LUMPUR 24 Okt. – Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) akan memanggil lapan kementerian serta jabatan minggu depan bagi mendapatkan penjelasan mengenai lebihan perbelanjaan tahun lalu khususnya membabitkan ‘kelemahan berulang’. Pengerusi PAC, Datuk Seri Azmi Khalid berkata, kementerian serta jabatan itu adalah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani; Kementerian Kesihatan dan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air. Turut dipanggil Kementerian Pengangkutan; Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi; Jabatan Kastam; Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Perbadanan Stadium Nasional. Katanya, jumlah kementerian atau jabatan yang akan dipanggil membuat penjelasan mungkin bertambah tertakluk kepada perbincangan lanjut di antara PAC dengan Jabatan Audit Negara. “Tugas audit untuk memeriksa dan menegur jabatan. Jangan bandingkan audit Malaysia dengan syarikat. Ia perlu dibandingkan dengan negara lain untuk keseragaman kerana pentadbiran kewangan negara adalah lebih baik daripada kebanyakan negara lain,” katanya pada sidang akhbar di bangunan Parlimen hari ini. Hadir sama, Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang dan beberapa ahli PAC termasuk Ahli Parlimen Kota Belud, Datuk Abdul Rahman Dahlan. Azmi menambah, secara keseluruhan, kesemua kementerian dan jabatan menunjukkan peningkatan dalam amalan pengurusan kewangan tahun lalu. Katanya, 43 agensi mencatatkan markah empat bintang iaitu markah penuh bagi penilaian tersebut sementara 60 agensi (tiga bintang); dua kementerian (dua bintang) dan tiada satupun agensi mendapat penilaian ‘bintang merah’ iaitu di bawah 49 peratus.

“Sementara itu, sebanyak 98.8 peratus daripada 172 kes (kelemahan pengurusan kewangan) yang timbul dalam Laporan Ketua Audit Negara 2008 telah diselesaikan dan 88 peratus daripada kes 2009 telah diambil tindakan serta tindak balas semua agensi ini,” jelasnya. Dalam pada itu, Abdul Rahman berkata, tidak timbul isu ‘kelewatan’ dalam pembentangan **Laporan Ketua Audit Negara 2010** seperti didakwa parti pembangkang. Menurutnya, kelewatan itu dibuat bagi memastikan Ahli Parlimen memberikan tumpuan membahaskan Bajet 2012 sebelum membahaskan Laporan Ketua Audit Negara 2010. Katanya, tiada peraturan yang menetapkan supaya pembentangan Ketua Audit Negara dibentangkan sebelum sebarang pembentangan Bajet. Sementara itu, Ambrin menjelaskan, kerajaan melaksanakan perbelanjaan berhemat sekalipun kadar hutang negara meningkat dari semasa ke semasa. “Ia tidak serius kerana orang yang bermiaga juga berhutang, yang penting keupayaan negara melunaskan hutang berkenaan dan ia selari dengan kadar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) kita, ia dalam had yang boleh diterima,” katanya.

KUALA LUMPUR 24 Okt. - Seramai 96 kontraktor bumiputera terlibat dalam projek pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang dengan nilai kerja berjumlah RM961 juta. Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Shaziman Abu Mansor berkata, ia mewakili 48 peratus jumlah keseluruhan subkontraktor yang dilantik oleh kontraktor utama. Katanya, daripada jumlah itu enam subkontraktor daripada kelas F dengan nilai kerja sejumlah RM1.5 juta. “Kerja yang dilakukan oleh subkontraktor bumiputera kelas F itu membabitkan kerja-kerja di peringkat akhir pembinaan seperti pemasangan penghadang jalan, papan tanda arah dan landskap,” katanya menjawab soalan **Saifuddin Nasution Ismail (PKR-Machang)** pada sidang Dewan Rakyat di sini, hari ini. Saifuddin meminta kementerian berkenaan menyatakan jumlah kontraktor bumiputera kelas F yang mendapat peluang kerja dalam projek Jambatan Kedua Pulau Pinang dan nilai projek yang diperolehi. Mengulas lanjut, Shaziman memberitahu, kontraktor kelas F yang terlibat itu juga sedang melaksanakan kerja-kerja teknikal tinggi khususnya pemasangan dan pembinaan pada projek yang telah siap 61.8 peratus. “Ada juga kerja yang melibatkan kawasan laut iaitu ia di luar kemahiran subkontraktor bumiputera kelas F,” katanya.

KUALA LUMPUR 24 Okt. - Pengenalan duit syiling baru siri ketiga dan wang kertas baharu siri keempat bertujuan memperkuuhkan ciri-ciri keselamatan bagi menghindarkan wang tersebut daripada dipalsukan. Timbalan Menteri Kewangan Datuk Donald Lim Siang Chai berkata, wang tersebut juga mempunyai reka bentuk yang lebih menarik, mesra pengguna dan beridentitikan keunikan Malaysia. Katanya, pelantikan pembekal mata wang siri baharu itu dibuat melalui proses tender terbuka sejajar dengan amalan biasa bagi semua kontrak pembekalan dan percetakan mata wang. "Syarikat pembekal tersebut antaranya Poongsan Corporation, Korea, bagi kontrak bekalan duit syiling kosong dan duit syiling tersebut kemudiannya ditempah di kilang wang Bank Negara Malaysia (BNM), Shah Alam. "Kontrak bekalan wang kertas siri baru diberikan kepada Crane AB, Sweeden; Giesecke dan Devrient GmbH, German; Oberthur Technologies, Perancis dan Orell Fussli, Switzerland," katanya menjawab soalan **Lim Lip Eng (DAP-Segambut)** pada sidang Dewan Rakyat di sini hari ini. Lip Eng meminta kementerian berkenaan menyatakan rasional pengeluaran siri baru bagi kedua-dua mata wang tersebut, termasuk kos yang diperlukan bagi proses pengeluarannya. Siang Chai berkata, BNM dijangka menjimatkan kos pengeluaran duit syiling sehingga 49 peratus setahun bagi pengeluaran duit syiling siri ketiga itu. Ini kerana, katanya, BNM menggunakan logam asas yang dipilih berdasarkan teknologi penempaan dan spesifikasi teknikal lebih baik daripada siri-siri duit syiling terdahulu. Menjawab soalan **Azan Ismail (PKR-Indera Mahkota)** mengenai kesan ekonomi akibat keputusan Amerika Syarikat (AS) mengehadkan kadar syiling hutang negara mereka, beliau berkata, langkah itu tidak memberi kesan kepada Malaysia. Ini kerana, Malaysia tidak bergantung kepada AS sebagai pasaran eksport semata-mata dan telah meningkatkan perdagangan dua hala dengan negara di Asia Tenggara. Katanya, asas-asas ekonomi yang kukuh seiring dengan dasar pengurusan makroekonomi yang pragmatik serta pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan program di bawah Bajet 2012 turut menyokong peningkatan pertumbuhan ekonomi negeri.

KUALA LUMPUR 24 Okt. - Empat stadium utama yang kerap menjadi tempat penganjuran acara besar di ibu negara mengalami masalah bumbung bocor tetapi masih digunakan sehingga kini. Stadium tersebut ialah Stadium Nasional Bukit Jalil; Stadium Putra Bukit Jalil; Pusat Akuatik Nasional dan Stadium Juara Kompleks Sukan Bukit Kiara. Jabatan Audit Negara menerusi **Laporan Ketua Audit Negara 2010** melaporkan, Stadium Nasional Bukit Jalil sebenarnya sudah tamat tempoh jaminan pada 2008 tetapi masih digunakan meskipun sebahagian besar bumbung koyak, skru kabel longgar dan berkarat. Semakan jabatan itu di Stadium Putra Jalil juga mendapati stadium tersebut bocor akibat besi berkarat pada bahagian atas bumbung. Menurut jabatan itu, Perbadanan Stadium Merdeka (PSM) telah memohon peruntukan pembangunan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) untuk menukar bumbung stadium tersebut sebanyak empat kali sejak 2006 hingga 2010, tetapi tidak diluluskan. Tambah laporan itu, permohonan oleh PSM untuk menukar bumbung stadium tersebut hanya diluluskan pada Januari 2011 yang membabitkan peruntukan sebanyak RM6 juta. "Pihak audit berpendapat berlaku kelewatan melaksanakan kerja penukaran bumbung Stadium Nasional Bukit Jalil yang telah tamat tempoh jaminan kerana peruntukan yang dimohon sejak 2006 tidak diluluskan. "Ini boleh menjelaskan keselesaan pengguna sekiranya bumbung runtuh terutama bagi penganjuran acara dan kejohanan peringkat antarabangsa," jelas laporan itu. Turut mengalami masalah sama menurut laporan itu adalah Pusat Akuatik Nasional apabila bumbungnya telah tamat tempoh jaminan pada 2008 tetapi masih digunakan walaupun sebahagian besarnya koyak. Menurut laporan itu, PSM pada Februari 2010 membuat permohonan peruntukan khas kepada kementerian berjumlah RM26 juta untuk menukar bumbung namun masih belum diluluskan sehingga kini. "Lawatan audit ke Stadium Juara Kompleks Sukan Bukit Kiara juga mendapati stadium itu berdepan masalah bumbung bocor sejak 2007 akibat besi berkarat," psih digunakan sehingga kini," jelas laporan itu.



24 Oktober 2011 (Isnin) - Bank ditipu RM37 juta, Oleh ZAINAL AZHAR
MOHAMED pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 24 Okt. - Sebuah bank tempatan mengalami kerugian teruk sepanjang 26 tahun tempoh perniagaannya selepas ditipu sebanyak RM37 juta melalui satu komplot pinjaman sebuah syarikat, dua tahun lalu. Menurut sumber polis, setelah pinjaman diluluskan sepenuhnya secara sekali gus pada 2009, syarikat itu tiba-tiba lesap tanpa membuat sebarang pembayaran balik. Kata sumber itu, pihak bank yang menjalankan siasatan dalaman gagal mengesahkan syarikat berkenaan dan akhirnya membuat laporan polis setelah diminta berbuat demikian. "Siasatan awal polis mendapati, pinjaman dilakukan oleh pihak yang telah berkomplot dan melakukan penipuan secara licik sehingga bank tidak mempunyai masalah untuk meluluskan pinjaman kerana selain dokumen yang meyakinkan, pinjaman turut mendapat jaminan sebuah bank lain," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini. Sumber itu bagaimanapun enggan mengesahkan sama ada terdapat penglibatan 'orang dalam' dalam kes penipuan ini kerana siasatan pihak polis masih di peringkat awal. Beliau juga enggan mendedahkan identiti syarikat yang membuat pinjaman itu kerana tidak mahu mengganggu siasatan selain tidak menjelaskan proses pertuduhan di mahkamah kelak. Ini kes kedua melibatkan institusi kewangan menjadi mangsa penipuan pinjaman berjumlah tinggi. Utusan Malaysia pada 17 Februari lalu mendedahkan, sebuah bank di ibu negara kerugian RM19 juta setelah menyerahkan wang pinjaman kepada dua syarikat yang mendakwa mendapat projek penyelenggaraan pesawat Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). Menurut sumber itu lagi, berikutan penipuan terbesar itu, polis sedang menyiasat secara terperinci termasuk meneliti semua dokumen berkaitan bagi mengesahkan pihak yang bertanggungjawab. "Berikutnya penipuan itu juga, bank berkenaan telah mencatatkan kerugian teruk dan terpaksa melakukan perubahan ke atas pengurusannya," kata sumber itu. Bank berkenaan kemudiannya telah mencatat keuntungan semula.



24 Oktober 2011 (Isnin) - Tourism Selangor salah guna papan iklan

KUALA LUMPUR 24 Okt. - Jabatan Audit Negara melaporkan berlaku penyalahgunaan visual billboard (papan iklan) oleh Tourism Selangor apabila dua daripada tiga unit yang diperuntukkan tidak ada kena-mengena dengan pelancongan. Menurut Laporan Ketua Audit Negara 2010, projek bernilai RM22,000 itu sepatutnya mereka bentuk dan memasang tiga unit papan iklan bertemakan Destinasi Pelancongan di daerah Hulu Selangor iaitu dua di pekan Kuala Kubu Bharu manakala satu lagi di laluan antara Pekan Rasa ke Kuala Kubu Bharu. "Semakan audit mendapati satu visual billboard yang bertemakan Destinasi Pelancongan telah dipasang di Jalan Rasathurai, Kuala Kubu Bharu pada April 2010. "Bagaimanapun, dua visual billboard lain yang dipasang di Mini Stadium, Kuala Kubu Bharu dan di laluan Pekan Rasa ke Kuala Kubu Bharu bukan berkaitan dengan pelancongan sebaliknya mempromosikan Tabung Warisan Anak-Anak Selangor (Tawas) dan Kempen Air Percuma," jelas laporan itu. Menurut laporan itu lagi, maklum balas daripada Tourism Selangor menjelaskan bahawa visual billboard berkenaan adalah hak milik Majlis Daerah Hulu Selangor.



24 Oktober 2011 (Isnin) - KDEB rugi lebih RM122 juta, Oleh MOHD. KHUZAIRI
ISMAIL pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 24 Okt. - Program Air Percuma di Selangor yang ditanggung oleh Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) menyebabkan syarikat subsidiari milik penuh kerajaan Selangor itu rugi sebelum cukai pada 2009 sebanyak RM122.25 juta. Jabatan Audit Negara menerusi **Laporan Ketua Audit Negara 2010** melaporkan, program tersebut menyebabkan KDEB perlu menanggung kos sebanyak RM131.47 juta pada 2009 berbanding RM68.67 pada 2008. "Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Disember 2010 mendapati secara keseluruhannya prestasi kewangan KDEB adalah tidak memuaskan kerana terdapat kerugian sebelum cukai pada 2009 berjumlah RM122.25 juta berbanding keuntungan sebelum cukai pada 2008 berjumlah RM34.45 juta. "Pengurusan aktiviti utama KDEB dan prestasi kewangan tiga syarikat subsidiari KDEB juga tidak memuaskan pada 2009 yang mana terdapat kerugian selepas cukai berjumlah antara RM1.08 juta hingga RM139.23 juta," jelas laporan itu.

Menurut laporan itu lagi, selain itu, terdapat beberapa kelemahan tadbir urus korporat seperti mesyuarat Lembaga Pengarah yang tidak diadakan mengikut kekerapan, Audit Dalaman tidak ditubuhkan dan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan yang tidak berfungsi. KDEB juga, jelas laporan itu, tidak membayar dividen kepada kerajaan negeri serta pembayaran bonus yang tidak mengikut pekeliling ditetapkan.



24 Oktober 2011 (Isnin) - Pretasi kewangan lebih baik

KUALA LUMPUR 24 Okt. - Prestasi pengurusan kewangan di peringkat kementerian dan jabatan bagi 2010 bertambah baik berbanding 2009 dan dua tahun sebelumnya. Menurut Jabatan Audit Negara, pada tahun 2010, sebanyak 17 kementerian berada pada tahap sangat baik berbanding 10 kementerian pada 2009, empat kementerian (2008) dan satu (2007). Jabatan itu menerusi Laporan Ketua Audit Negara 2010 menjelaskan, prestasi pengurusan kewangan di peringkat jabatan bagi 2010 juga adalah menggalakkan yang mana 13 jabatan berada pada tahap sangat baik berbanding empat pada 2009; dua (2008) dan lima (2007). "Di peringkat kementerian, Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar mencatat prestasi paling baik iaitu 97.4 peratus diikuti Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (96.8 peratus) dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (95.2 peratus). "Lapan kementerian pula berada pada prestasi pengurusan kewangan baik dengan Kementerian Perusahaan, Perladangan Dan Komoditi mencatat peratusan paling rendah iaitu sebanyak 85.4 peratus," jelas laporan itu. Di peringkat jabatan pula, Unit Penyelaras Pelaksanaan mencatat prestasi paling baik iaitu 96.7 peratus diikuti Jabatan Tenaga Kerja (95.8 peratus) dan Jabatan Peguam Negara (95.6 peratus)," jelas laporan itu.



24 Oktober 2011 (Isnin) - Pendapatan negara 2010 meningkat RM1.01 bilion

KUALA LUMPUR 24 Okt. - Jabatan Audit Negara melaporkan perolehan Kerajaan Persekutuan bagi 2010 meningkat sebanyak RM1.01 bilion (0.6 peratus) berbanding 2009 iaitu daripada RM158.64 bilion kepada RM159.65 bilion. Jabatan itu menerusi **Laporan Ketua Audit Negara 2010** melaporkan, pendapatan kerajaan tersebut disumbangkan oleh empat jenis hasil utama iaitu cukai (RM109.52 bilion); bukan cukai (RM48.87 bilion); pelbagai terimaan (RM793 juta) dan hasil Wilayah Persekutuan (RM477 juta). Daripada empat hasil itu, pendapatan cukai dan hasil Wilayah Persekutuan meningkat berbanding 2009 masing-masing sebanyak RM3.011 bilion (2.8 peratus) dan RM199 juta (71.6 peratus). Perolehan kerajaan menerusi cukai pada 2010 adalah sebanyak RM109.52 bilion berbanding RM106.50 pada 2009 manakala perolehan bagi Wilayah Persekutuan pada 2010 pula sebanyak RM477 juta berbanding RM279 juta pada 2009. "Peningkatan hasil cukai berjumlah RM3.01 bilion antara lainnya disebabkan oleh peningkatan duti eksais, duti eksport dan cukai perkhidmatan. "Punca peningkatan duti eksais ini adalah kerana pertambahan jualan kenderaan; kenaikan harga petroleum mentah dan pengenaan caj kad kredit pada tahun 2010," jelas laporan itu.

Bagaimanapun, menurut laporan itu, pendapatan bukan cukai kerajaan menurun sebanyak RM1.92 bilion (3.8 peratus) iaitu daripada RM50.8 bilion pada 2009 kepada RM48.87 bilion pada 2010. Turun mencatatkan pengurangan adalah perolehan daripada sumber pelbagai terimaan sebanyak RM275 juta (25.7 peratus) iaitu daripada RM1.07 bilion pada 2009 kepada RM793 juta pada 2010. "Penurunan hasil bukan cukai sebanyak RM1.92 bilion adalah disebabkan penurunan hasil lesen, bayaran pendaftaran dan permit serta faedah dan perolehan daripada pelaburan," jelas jabatan itu. Menurut jabatan itu lagi, hasil petroleum mentah meningkat sebanyak 58 peratus daripada RM1.10 bilion (2009) kepada RM1.74 bilion (2010) ekoran kenaikan harga bahan mentah itu. Turut mencatatkan peningkatan hasil yang tinggi adalah duti eksais kenderaan penumpang iaitu sebanyak 48.4 peratus iaitu daripada RM1.47 bilion (2009) kepada RM2.18 (2010) ekoran peningkatan jualan kenderaan penumpang. Bagaimanapun, hasil faedah dan pelbagai pelaburan dalam negeri menyusut sebanyak RM130 juta (87.2 peratus) iaitu daripada RM149.1 juta (2009) kepada hanya RM19.1 juta (2010) ekoran pengurangan pelaburan. Hasil daripada permit kerja dan levi ke atas pekerja asing pada 2010 juga berkang sebanyak RM355 juta (16.8 peratus) iaitu daripada 2.11 bilion (2009) kepada hanya RM1.76 bilion disebabkan pengurangan pengambilan pekerja asing.

24 Oktober 2011 (Isnin) - 138 kes kelemahan pengurusan perbelanjaan babit

RM361 juta

KUALA LUMPUR 24 Okt. - Analisis oleh Jabatan Audit Negara terhadap perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan pada 2010 mendapat terdapat 138 kes kelemahan pengurusan perbelanjaan berjumlah RM361 juta melibatkan beberapa kementerian dan jabatan. Jabatan itu menerusi Laporan Ketua Audit Negara 2010 melaporkan, daripada 138 kes tersebut, sebanyak 75 kes perbelanjaan melebihi peruntukan melibatkan 14 kementerian dengan jumlah lebih sebanyak RM306 juta. Kementerian Kesihatan mencatatkan lebih perbelanjaan paling besar iaitu RM173 juta membabitkan 25 kes diikuti Kementerian Dalam Negeri sebanyak RM56.8 juta (lima kes) dan Kementerian Luar berjumlah RM52.7 juta (21 kes). Kementerian lain adalah Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (RM14.1 juta); Kementerian Pertahanan (RM6.5 juta) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (RM1.1 juta). "Perbelanjaan melebihi peruntukan iaitu sebanyak RM306 juta di 14 kementerian dan jabatan itu disebabkan bayaran perkhidmatan dan bekalan, aset serta pemberian dan kenaan bayaran tetap," jelas laporan itu. Menurut jabatan itu lagi, sebanyak lapan kementerian tidak membelanjakan langsung peruntukan yang diluluskan iaitu berjumlah RM9.88 membabitkan 17 kes. Sebanyak 21 kementerian dan jabatan pula memohon peruntukan tambahan, pendahuluan daripada Kumpulan Wang Luar Jangka serta membuat viremen berjumlah RM45.07 juta. "Bagaimanapun tambahan peruntukan dan viremen yang diluluskan itu tidak dibelanjakan malah peruntukan asal masih mempunyai baki berjumlah RM24.95 juta. "Keadaan ini boleh dielakkan sekiranya kementerian dan jabatan berkenaan memantau peruntukannya dengan teliti," jelas laporan itu. Jabatan itu menjelaskan lagi, semakan juga mendapati secara keseluruhannya sembilan kementerian dan jabatan berbelanja sebanyak RM3.73 bilion melebihi peruntukan keseluruhan.

24 Oktober 2011 (Isnin) - Laporan audit dedah LPKP ambil masa lebih 700 hari selesai kes, aduan

KUALA LUMPUR 24 Okt. - Laporan Ketua Audit Negara 2010 mendedahkan ada kes tangkapan dan aduan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) mengambil masa lebih 700 hari untuk diselesaikan. Menurut laporan itu, tempoh tersebut bermula dari tarikh tangkapan sehingga tindakan amaran, pembayaran kompaun, penggantungan atau pembatalan lesen yang boleh diselesaikan dalam masa sehari. Perkara tersebut dikesan menerusi semakan terhadap 486 kes tangkapan dari tahun 2008 hingga Mei 2010, menurut laporan itu yang dikeluarkan hari ini. Selain itu, semakan juga mendapati LPKP mengambil masa antara 41 hingga 756 hari untuk menyelesaikan 123 daripada 257 aduan, yang mana bertentangan dengan piagam organisasi iaitu 30 hari bagi urusan pengendalian aduan. Jabatan Audit Negara turut mendapat ada kelemahan lain dalam LPKP seperti tidak mengambil tindakan pendakwaan, prosedur kerja penguatkuasaan tidak dipatuhi dan pengurusan fail serta dokumen yang tidak teratur. Sehubungan itu, jabatan tersebut mengesyorkan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), yang ditubuhkan 31 Januari lepas bagi menggantikan LPKP di Semenanjung Malaysia, memperbaiki kelemahan LPKP tersebut bagi memastikan penguatkuasaan dan pengurusan yang cekap dan teratur. — BERNAMA.

25 Oktober 2011 (Selasa) - Harga binokular marin lebih mahal

KUALA LUMPUR 25 Okt. — Harga kontrak pembelian sebuah binokular marin (penglihatan malam) oleh Jabatan Taman Laut Malaysia didapati 2,805 peratus lebih mahal berbanding harga pasaran. Laporan Ketua Audit Negara 2010 mendedahkan barang itu yang harga pasarnya RM1,940 telah dibeli pada harga RM56,350 sebuah. Sementara itu, Binokular Bushnell (penglihatan malam) yang berharga RM2,827 di pasaran, dibeli pada harga RM56,350 sebuah, iaitu 1,893 peratus lebih tinggi. Ini adalah antara perbezaan harga barang yang dibeli jabatan itu, yang dikenal pasti Jabatan Audit Negara melebihi antara 177 peratus hingga 2,805 peratus berbanding harga pasaran. "Mengikut perkiraan Audit, perbezaan harga sejumlah RM172,501 sepatutnya boleh dijimatkan dalam menguruskan perolehan ini dan semakan Audit mendapati tiada bukti jabatan itu membuat kajian pasaran sewajarnya untuk membeli barang tersebut," demikian menurut laporan itu.

Laporan itu juga menyebut, hasil maklum balas jabatan itu, kajian pasaran hanya dibuat berdasarkan pertanyaan lisan kepada Jabatan Perikanan Malaysia kerana pegawai yang menguruskan perolehan berkenaan tidak mempunyai kepakaran serta pengalaman dalam bidang tersebut. Selain itu, Jabatan Taman Laut Malaysia didapati membuat pembayaran penuh bagi beberapa peralatan yang dibekalkan kontraktor tanpa mengikut spesifikasi yang ditetapkan dalam kontrak. Ini menyebabkan kerajaan terlebih bayar RM100,517 kepada kontraktor, bagaimanapun bayaran itu tidak termasuk enjin utama dan kotak gear. Antara barang yang tidak mengikut spesifikasi ialah TV LCD dan pemain DVD jenama toshina yang harga kontraknya RM16,100, namun dibekalkan dengan barang jenama Philips bernilai RM195. Selain itu, sistem CCTV berjenama Paradox pada harga kontrak RM5,750 tetapi dibekalkan jenama Belco bernilai RM640. Laporan itu juga menyatakan bayaran denda ke atas Syarikat Kejuruteraan Kapal Masai Sdn. Bhd. yang diberikan tanggungjawab membina bot aluminium semua cuaca kerana gagal menyiapkan bot itu mengikut perjanjian adalah lebih rendah daripada yang sepatutnya. Jabatan Taman Laut Malaysia sepatutnya memperoleh RM52,594.08 sebagai denda, namun hanya mengutip RM23,792.56 iaitu kurang RM28,801.52. Oleh itu, Audit berpendapat jabatan tersebut perlu mengutip balik baki denda daripada kontraktor berkenaan dengan segera. Jabatan Audit juga mencadangkan agar Jabatan Taman Laut Malaysia menilai setiap tender dengan teliti bagi memastikan harga yang ditawarkan dapat memberi nilai berbaloi dengan apa yang dibelanjakan kerajaan. "Jabatan itu juga perlu menjalankan pemeriksaan semula terhadap semua syarat yang ditetapkan dalam kontrak serta melaraskan pembayaran yang terlebih bayar bagi peralatan yang tidak dibekalkan, atau pembekalan tidak mengikut spesifikasi," kata laporan itu.



25 Oktober 2011 (Selasa) - Cukai tanah tertunggak 40 tahun

KUALA LUMPUR 25 Okt. - Jabatan Audit Negara melaporkan, terdapat tiga kes tunggakan cukai tanah individu di Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang tertunggak antara 35 hingga 40 tahun. Jabatan itu menerusi Laporan Ketua Audit Negara 2010 juga melaporkan, 84 kes cukai tanah individu dan satu kes cukai tanah syarikat pula membabitkan tunggakan antara 30 hingga 34 tahun. Menurut laporan itu lagi, 24 kes cukai tanah individu pula membabitkan tunggakan antara 25 hingga 29 tahun; 123 kes (20 hingga 24 tahun); 494 kes (15 hingga 19 tahun) dan 1,107 kes (10 hingga 14) tahun dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM21.94 juta. Bagi cukai tanah syarikat pula jelas laporan itu, satu kes membabitkan tunggakan antara 30 hingga 34 tahun; satu kes (25 hingga 29 tahun); 80 kes (20 hingga 24 tahun); 148 kes (15 hingga 19 tahun) dan 491 kes (10 hingga 14 tahun) dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM14.19 juta. "Pihak audit berpendapat antara sebab kes itu berlaku kerana maklumat pemilik dan hak milik tanah yang tidak dikemas kini menyebabkan bil cukai tanah dikembalikan. "Selain itu kelemahan dalam penguatkuasaan undang-undang terhadap pemilik tanah turut menyumbang kepada jumlah tunggakan cukai tersebut dan keadaan ini boleh menyebabkan kehilangan hasil kerajaan," jelas laporan itu.



25 Oktober 2011 (Selasa) - 27 makmal komputer gagal disiapkan

KUALA LUMPUR 25 Okt. - Kesemua 27 buah makmal komputer di Sekolah Bestari yang diuruskan Kementerian Pelajaran gagal disiapkan sepenuhnya sehingga Disember 2010 meskipun sepatutnya diserahkan pada Mei tahun sama. Jabatan Audit Negara menerusi Laporan Ketua Audit Negara 2010 melaporkan, projek dengan kos sebanyak RM20.59 juta itu membabitkan sekolah di Perak (enam); Selangor (enam); Johor (lapan) dan Kuala Lumpur (tujuh). "Lawatan audit ke lapan Sekolah Bestari di Perak, Johor dan Kuala Lumpur mendapati pembinaan makmal masih belum disiapkan mengikut tempoh masa ditetapkan malah satu daripadanya juga belum dimulakan.' "Kontraktor bagi negeri Johor telah ditamatkan perkhidmatannya kerana gagal menyiapkan projek manakala pembinaan makmal komputer di Sekolah Tuanku Abdul Rahman, Ipoh, Perak pula tidak siap," jelas laporan itu. Menurut laporan itu lagi, kos pembinaan makmal komputer di Sekolah Bestari juga lebih tinggi berbanding sekolah harian meskipun keluasan, bilangan bilik makmal dan kapasiti pelajar adalah sama. Kos pembinaan sebuah makmal komputer di Sekolah Bestari yang dibuat secara tender terbuka adalah dalam lingkungan RM700,000 hingga RM980,000 sedangkan kos bagi sekolah harian pula antara RM350,000 hingga RM500,000.

25 Oktober 2011 (Selasa) - Peserta tidak tahu terlibat dalam projek

KUALA LUMPUR 25 Okt. - Seramai tiga peserta projek peningkatan ekonomi yang dilaksanakan Yayasan Pembangunan Keluarga (YPK), Terengganu pada 2008 tidak mengetahui bahawa mereka terlibat dalam projek itu. Jabatan Audit Negara menerusi Laporan Ketua Audit Negara 2010 melaporkan, tiga peserta itu juga memaklumkan bahawa pihak Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri (PPPN) dan YPK Terengganu tidak pernah membuat lawatan ke rumah mereka atau menerima sebarang bantuan. "Bagaimanapun, semakan audit mendapati YPK Terengganu dan peserta telah mengesahkan penerimaan barang, peralatan dan ternakan bernilai RM29,430 dan dibayar penuh oleh PPPN Terengganu. "Selain itu, tanda tangan yang terdapat pada akuan penerimaan tersebut juga berbeza dengan tanda tangan sebenar peserta dan adalah dikhawatir dipalsukan," jelas laporan itu. Menurut laporan itu lagi, tiga projek yang tidak diketahui oleh peserta tersebut adalah pertukangan rumah di Setiu membabitkan kos projek sebanyak RM10,000, projek ternakan lembu juga di Setiu (RM9,460) dan projek membuat kuih di Besut (RM9,970). Sehubungan itu, jabatan itu berpendapat, siasatan terperinci perlu dilakukan ke atas projek yang berkaitan dan tindakan sewajarnya perlu diambil ke atas pihak yang bertanggungjawab.

27 Oktober 2011 (Khamis) - SPRM buka 36 fail siasatan laporan Ketua Audit Negara

KUALA LUMPUR 27 Okt. - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah bertindak terhadap pendedahan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2010 dan kini telah membuka 36 fail siasatan. SPM dalam kenyataannya memberitahu, pihaknya telah menjalankan siasatan ke atas sebahagian besar isu-isu yang dibangkitkan dalam laporan berkenaan hasil aduan dan maklumat yang diterima daripada orang ramai. "Antara tindakan yang telah diambil SPM adalah membuka sebanyak 36 fail siasatan. "Masing-masing tujuh fail dibuka di Sabah dan Perak, enam di Terengganu dan Kedah, tiga di Johor dan Pulau Pinang, manakala dua di ibu pejabat dan Sarawak," kata kenyataan tersebut. Dalam pada itu, kenyataan tersebut turut menjelaskan bahawa lebih perbelanjaan membabitkan SPM sebanyak 0.73 peratus mengikut Laporan Ketua Audit Negara 2010 adalah disebabkan untuk menampung bayaran bonus tahunan atau Bantuan Khas Kewangan kepada pegawai Gred 54 ke bawah. Pembayaran tersebut dibuat mengikut Arahan Kerajaan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2010 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2010. "Sebenarnya, lebih perbelanjaan ini sama sekali tidak membawa maksud SPM melanggar mana-mana arahan perbendaharaan ataupun melanggar mana-mana prosedur pengurusan kewangan. "Sebaliknya, bayaran ini adalah merupakan bayaran bonus yang diluluskan oleh kerajaan," jelas kenyataan itu.

26 Oktober 2011 (Rabu) - Kerajaan teliti pengeluaran pas pelajar asing babitkan Kementerian Pengajian Tinggi

KUALA LUMPUR 26 Okt. - Kerajaan telah memulakan inisiatif untuk mengkaji semula pengeluaran pas pelajar asing, kata Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein. Beliau berkata, selain kementeriannya, penelitian semula itu turut membabitkan Kementerian Pengajian Tinggi dan beberapa kementerian lain. "Keputusan penelitian akan dimaklumkan kemudian," katanya pada sesi menggulung perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2012 di Dewan Rakyat baru-baru ini. Hishammuddin berkata, hasil pemeriksaan agensi kerajaan sepanjang sembilan bulan pertama tahun ini, seramai 1,960 warga asing telah ditangkap kerana kesalahan di bawah Akta Imigresen. Beliau menambah, tapisan pelajar juga dilakukan oleh Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pelajaran yang mewajibkan pelajar dari Afrika menunjukkan dokumen *No Objection Certificate* daripada kerajaan negara masing-masing. Jelasnya, langkah itu bertujuan memastikan hanya pelajar yang benar-benar layak belajar di luar negeri. Isu pelajar asing dari Afrika kembali mendapat perhatian apabila *Utusan Malaysia* pada 19 Oktober lalu mendedahkan hanya seramai 29,000 pelajar dari benua itu berdaftar secara sah di kolej-kolej swasta di negara ini, sedangkan jumlah sebenar dijangka berlipat kali ganda. Laporan tersebut turut mendedahkan, masalah sosial dalam kalangan warga Afrika yang sebahagian besarnya mengikuti rekod Polis Diraja Malaysia (PDRM) terlibat dalam jenayah komersial dan narkotik.

Mengulas isu pemberian kerakyatan kepada warga Bangladesh dan Indonesia yang dibangkitkan pembangkang, Hishammuddin berkata, penjelasan beserta fakta dan data telah diberikan. "Hanya 37 rakyat Bangladesh yang diberikan sijil kerakyatan negara ini sejak 1998 sehingga Ogos 2011 di mana daripada jumlah tersebut hanya 14 orang didapati layak mengundi dan hanya tujuh orang sahaja mendaftar sebagai pengundi. "Kerajaan tidak sewenang-wenangnya menganugerahkan taraf kewarganegaraan kepada warga asing. Ia adalah berdasarkan permohonan dan merupakan anugerah tertinggi kerajaan Malaysia," katanya. Mengenai perhimpunan haram Gabungan Pilihan Raya Bebas dan Adil (Bersih) yang diadakan pembangkang pada 9 Julai lalu, beliau berkata, lebih RM2 juta dibelanjakan bagi menangani perhimpunan berkenaan. Perbelanjaan tersebut katanya, meliputi perolehan kelengkapan tambahan, makan dan minum, penginapan serta keperluan logistik lain.



27 Oktober 2011 (Khamis) - SPRM buka 36 fail siasat laporan Ketua Audit Negara

KUALA LUMPUR 27 Okt. - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah bertindak terhadap pendedahan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2010 dan kini telah membuka 36 fail siasatan. SPM dalam kenyataannya memberitahu, pihaknya telah menjalankan siasatan ke atas sebahagian besar isu-isu yang dibangkitkan dalam laporan berkenaan hasil aduan dan maklumat yang diterima daripada orang ramai. "Antara tindakan yang telah diambil SPRM adalah membuka sebanyak 36 fail siasatan. "Masing-masing tujuh fail dibuka di Sabah dan Perak, enam di Terengganu dan Kedah, tiga di Johor dan Pulau Pinang, manakala dua di ibu pejabat dan Sarawak," kata kenyataan tersebut. Dalam pada itu, kenyataan tersebut turut menjelaskan bahawa lebihan perbelanjaan membabitkan SPRM sebanyak 0.73 peratus mengikut Laporan Ketua Audit Negara 2010 adalah disebabkan untuk menampung bayaran bonus tahunan atau Bantuan Khas Kewangan kepada pegawai Gred 54 ke bawah. Pembayaran tersebut dibuat mengikut Arahan Kerajaan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2010 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2010. "Sebenarnya, lebihan perbelanjaan ini sama sekali tidak membawa maksud SPRM melanggar mana-mana arahan perbendaharaan ataupun melanggar mana-mana prosedur pengurusan kewangan. "Sebaliknya, bayaran ini adalah merupakan bayaran bonus yang diluluskan oleh kerajaan," jelas kenyataan itu.



31 Oktober 2011 (Isnin) - Peruntukan kepada PFN bukan geran

KUALA LUMPUR 31 Okt. - Peruntukan sebanyak RM250 juta yang diluluskan kerajaan kepada Pusat Fidlot Nasional (PFN) pada 2007 bukanlah geran sebaliknya pinjaman mudah yang perlu dibayar semula oleh agensi tersebut. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar (gambar) berkata, ia diluluskan bagi membolehkan PFN membiayai kos operasi dan pembangunan infrastruktur ternakan seperti kandang, kilang dan makmal. "Ia juga bagi mempercepatkan pembangunan dan persediaan bukan sahaja bagi syarikat ini, tetapi untuk segala infrastruktur komersil sepanjang rantai nilai bagi membolehkan pembangunan Program Pembangunan Usahawan melibatkan 310 peladang dan penternak di seluruh negara," katanya ketika menggulung perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2012 di Dewan Rakyat hari ini. Menurut Noh, PFN bukanlah projek yang gagal seperti didakwa pembangkang kerana sasarannya iaitu mengeluarkan 8,000 ekor lembu pada 2010 berjaya dicapai seperti yang disebut dalam Laporan Ketua Audit Negara 2010 yang dikeluarkan minggu lalu. Katanya lagi, PFN juga tidak diberikan tanah secara percuma seluas 5,000 ekar (2,023 hektar) seperti yang didakwa sebaliknya 1,500 ekar (607 hektar) tanah di Negeri Sembilan diberikan secara pajakan daripada Perbadanan Menteri Besar Negeri Sembilan. Berkenaan pemilihan syarikat Agroscience Industries sebagai pelaksana projek fidlot itu pula, Noh berkata, ia berdasarkan mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Syarikat Peneraju Bagi Projek PFN yang menilai enam syarikat yang berminat dengan projek itu. "Bagaimanapun sebuah lagi syarikat yang turut dipilih iaitu Lambert Agricultural menarik diri menjadikan Agroscience Industries menerusi National Feedlot Corporation Sdn. Bhd. sebagai integrator untuk melaksanakan projek ini," katanya. Projek PFN dijadikan isu oleh pembangkang yang mendakwa kerajaan telah memberikan peruntukan berjumlah RM250 juta secara percuma kepada PFN untuk melaksanakan projek itu. Pembangkang mengaitkan projek PFN dengan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil memandangkan suami beliau, Datuk Seri Dr. Mohamad Salleh Ismail adalah Penggerusi Eksekutif PFN.